

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN
KLANG 2035
(PENGgantian)

JILID 3 **PENGURUSAN &
PENILAIAN KEMAMPAHAN**

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN **KLANG 2035** (PENGgantian)

JILID 3 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA

DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS
PERBANDARAN KLANG 2035 (PENGgantian) INI
DISEDIAKAN SELARAS DENGAN PERUNTUKAN
SUBSEKSYEN 16 AKTA PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA 1976 (AKTA 172)

JANUARI 2019





DRAF RANCANGAN TEMPATAN

SENARAI GLOSARI

MAJLIS PERBANDARAN
KLANG 2035 (PENGANTIAN)

Aa

Akses

Laluan masuk

Aksesibiliti

Tahap kemudahsampaian

Bb

B40

Isi rumah yang berpendapatan purata bulanan dibawah RM 3,860.00 sebulan

Badan Air

Kawasan tadahan atau tampungan air yang besar

Bandar Selamat

Bandar yang bebas dari ancaman fizikal, sosial dan mental

Bollard

Tonggak jalan yang kebiasaannya digunakan sebagai pemisah antara pejalan kaki dan kenderaan bermotor

Brownfield

Kawasan *brownfield* adalah kawasan yang telah dibangunkan tetapi ditinggalkan atau terbiar atau mempunyai struktur pembangunan yang usang atau kawasan pembangunan yang tidak siap sepenuhnya dan terbengkalai. Istilah *brownfield* juga meliputi bangunan yang telah lama terbengkalai atau bangunan yang telah siap tetapi tidak terjual. Tafsiran ini juga merujuk kepada projek-projek terbengkalai yang tidak siap dalam tempoh pelaksanaan pembangunan melebihi 10 tahun

Cc

Catalyst

Pemangkin atau faktor mangkin

Containerisation

Aktiviti yang melibatkan sebarang bentuk pengkontenaan

**Controlled
Agriculture
Environment**

Merupakan satu pendekatan teknologi yang digunakan di dalam proses tanaman pengeluaran makanan. Teknologi ini digunakan bagi mengekalkan keadaan pertumbuhan tanaman makanan yang optimum dan mengurangkan risiko tanaman rosak. Kaedah ini berfungsi dengan cara mengawal faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pertumbuhan tanaman seperti suhu, kelembapan, jumlah karbon dioksida, cahaya dan nutrien serta keasidan

**Crime Prevention
Through
Environmental
Design**

Reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan

Dd

Daya Huni

Penduduk yang menetap di sesuatu kawasan

Daya Tahan

Kemampuan/kebolehan dalam sesuatu perkara

Daya Tampung

Bilangan maksima yang boleh ditampung tanpa merosakkan kedudukan atau situasi asal. Ia merupakan kayu ukur tahap ketahanan sesuatu benda atau pembangunan

Densiti

Ukuran kepadatan atau ketumpatan mengenai bilangan penduduk atau bilangan bangunan bagi sejumlah kawasan tertentu

Dimensi

Aspek atau ciri sesuatu keadaan

Dominan

Mempunyai kuasa dan pengaruh terhadap sesuatu perkara



Ee

E-Dagang

Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barangan atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dijalankan di luar talian

Efisien

Merupakan suatu ukuran keberhasilan yang dinilai dari segi besarnya sumber/biaya untuk mencapai hasil dari kegiatan yang dijalankan

Ekopelancongan

Merupakan pelancongan yang mempromosikan pemuliharaan dengan impak pelancongan yang rendah dan memberi manfaat kepada penduduk tempatan yang terlibat secara aktif dalam mana-mana aktiviti sosioekonomi

Ekosistem

Sistem yang melibatkan interaksi antara sesuatu komuniti (haiwan, tumbuhan, dan lain-lain) dengan alam persekitarannya yang tidak bernyawa

Ff

Fasa

Peringkat perkembangan atau pembangunan

Fasad Bangunan

Sisi luar hadapan bangunan

Fidlot

Fidlot ialah menternak lembu pedaging secara berkurung dengan memberi makanan yang bermutu serta air secukupnya untuk membesarkan dan menggemukkan lembu dalam masa yang singkat.

Gg

Gastronomi

Berkaitan dengan penyediaan dan penggunaan makanan yang baik

Globalisasi

Sesuatu konsep 'dunia tanpa sempadan' yang mengibaratkan dunia sebagai satu komuniti di mana kemajuan teknologi moden dan komunikasi maklumat membolehkan urusan dikendalikan dengan pantas seolah-olah tiada batasan jarak waktu

Guna Tanah

Corak aktiviti atau jenis pembangunan yang dijalankan di atas sesebuah tapak atau lot tanah.

Greenfield

Kawasan / tanah yang merangkumi habitat / kawasan hutan dan tanah pertanian produktif yang tidak dibangunkan. Ini termasuklah lingkaran hijau di kawasan bandar

Hh

Hidroponik

Merupakan kaedah tumbuh tumbuhan tanpa tanah dengan menggunakan penyelesaian nutrien mineral dalam pelarut air

Hierarki

Suatu kumpulan benda, manusia atau perkara yang disusun mengikut aturan gred, pangkat atau pengkelasan tertentu

Hingar

Suasana yang sangat bising, riuh-rendah, hiruk-pikuk


Holistik

Bersifat saling berkait antara satu sama lain sebagai suatu sistem bersepadu yang menyeluruh, bukan sekadar menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja

Homestay

Sebuah rumah persendirian yang menawarkan penginapan untuk tetamu beserta kadar bayaran





Hot Spot

Lokasi fizikal di mana orang boleh mendapatkan akses internet, biasanya menggunakan teknologi wi-fi, melalui rangkaian kawasan setempat tanpa wayar (WLAN)

Ii

Incinerator

Relau atau alat untuk membuang sampah

Infill

Pembangunan atau pembangunan semula yang dijalankan ke atas tanah kosong atau tapak yang telah dibangunkan yang terletak di dalam kawasan tepu bina dan kawasan yang sedang dibangunkan

Inklusif

Meliputi kesemua golongan dan lapisan masyarakat di kalangan warganegara

Integrasi

Penggabungan dua atau lebih unsur, kaum atau bahagian yang berlainan

Jj

Jaringan Jalan

Laluan lingkaran jalan

Justifikasi

Sesuatu alasan yang menjadikan sesuatu itu wajar dilakukan atau hujah dan pendapat yang dikemukakan sebagai alasan bagi sesuatu perkara

Kk

K-ekonomi

Ekonomi yang berasaskan kepada pengeluaran, pengedaran dan penggunaan pengetahuan serta maklumat. Contoh aktiviti ekonomi yang bernilai tambah;

- Pengeluaran barang yang berteknologi tinggi
- Pengguna teknologi yang utama
- Perkhidmatan berintensifkan pengetahuan

Kajian Literature

Kerja-kerja bertulis, terutamanya berkaitan dengan kajian terhadap sesuatu

Kampung Tradisi

Kawasan penempatan yang telah diwarisi oleh orang-orang melayu untuk bergenerasi lamanya dan mempunyai ciri-ciri melayu dalam seni bina manakala persekitaran dan alam sekitarnya pula berkonsepkan kampung melayu

Kluster

Gugusan, rangkaian atau kelompok kumpulan

Komuniti

Kumpulan manusia yang tinggal di sesuatu daerah atau tempat

Konurbasi

Kawasan bandar yang merangkumi beberapa bandar raya atau bandar yang bercantum secara fizikal dan membentuk satu kawasan tepu bina berikutan pertambahan penduduk

Ll

Latar langit (skyline)

Permandangan keseluruhan atau sebahagian bangunan tinggi dan struktur bandar terdiri daripada banyak pencakar langit di hadapan langit sebagai latar belakang

Lestari

Keadaan sesuatu yang tidak berubah, kekal sama dan tanpa perubahan

Mm

M40

Merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan antara RM 3,860.00 hingga RM 8,320.00


Mampan

Mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik



Merekayasa	Untuk melaksanakan perubahan kepada sistem
Migran keluar	Seseorang yang bergerak keluar daripada satu tempat ke tempat lain untuk mencari kerja atau keadaan hidup yang lebih baik
Migran masuk	Seseorang yang bergerak masuk daripada satu tempat ke tempat lain untuk mencari kerja atau keadaan hidup yang lebih baik
Migrasi	Pergerakan dari satu bahagian ke sesuatu yang lain
Mitigasi	Keupayaan untuk mengurangi resiko bencana, baik melalui pembangunan fisik mahupun penyedaran dan peningkatan kemampuan menghadapi ancaman bencana
MURNInets	Pendekatan yang dapat mengukuh dan menilai kemampunan sesebuah bandar. Ianya adalah satu aplikasi bagi mewujudkan pangkalan data dalam bentuk digital yang dapat mengukur kemampunan bandar yang akan memberi gambaran pencapaian kualiti rupabentuk bagi sesebuah bandar secara berterusan
Optima / optimum	Keadaan atau tahap yang paling baik untuk pertumbuhan, pembiakan, atau kejayaan.
Pemeliharaan	Proses memelihara sesuatu tempat yang dibina atau kawasan semulajadi supaya dapat dikekalkan atau dipertingkatkan ciri-ciri sejarahnya, senibina dan ciri-ciri yang menarik atau untuk keseimbangan ekologi persekitaran. Ia termasuk penjagaan dan pengkalan
Pemuliharaan	Proses memulihara sesuatu tempat, binaan atau sumber-sumber semulajadi, supaya ciri-ciri sejarah, kebudayaan dan ciri-ciri lain yang unik dan menarik dapat dikembalikan semula. Ini termasuk kerja-kerja penjagaan, pemajuan semula, dan mungkin membenarkan untuk aktiviti-aktiviti pembangunan semula yang sesuai
Penampan	Ruang atau kawasan yang disediakan untuk memisahkan dua guna tanah atau pembangunan yang terletak bersebelahan dan tidak sepadan dengan tujuan penjagaan alam sekitar, kesihatan, keselamatan dan keselesaan
Perniagaan formal	Perniagaan yang mempunyai premis khas yang telah disediakan seperti rumah kedai
Perniagaan informal	Perniagaan tanpa struktur bangunan atau kawasan seperti pasar malam
Pertanian bandar	Aktiviti pertanian di kalangan penduduk bandar bagi mengeluarkan bahan makanan sendiri
Perumahan mampu milik	Perumahan mampu milik meliputi perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana
Perumahan terancang	Kawasan kediaman yang dibangunkan secara teratur dengan mematuhi piawaian pembangunan perumahan yang telah ditetapkan dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur. Kebiasaannya perumahan ini dilaksanakan secara berfasa dan mendapat kebenaran pembinaan dari Pihak Berkuasa Tempatan

Oo
Pp



Pocket Park	Kawasan hijau dan taman mini yang boleh diakses oleh orang awam. <i>Pocket Park</i> ini kebiasaanya dibina di atas tanah kawasan yang kecil dan susunannya tidak begitu teratur dan terancang. Walau bagaimanapun, <i>Pocket Park</i> ini merupakan satu kawasan yang strategik bagi mewujudkan suasana persekitaran pejalan kaki yang kondusif
Presint	Kawasan, kawasan bandar, sebahagian bandar yang ditetapkan untuk penggunaan tertentu hanya boleh diakses oleh pejalan kaki, bukan kenderaan
Prinsip	Kebenaran asas atau proposisi yang berfungsi sebagai asas bagi sistem kepercayaan atau tingkah laku atau untuk rantai penalaran
Program Kolaborasi	Program yang memerlukan sesebuah organisasi bekerjasama untuk menyelesaikan tugas atau mencapai matlamat
Projek komited	Projek pembangunan akan datang sama ada berstatus: • Dalam pembinaan • Telah diluluskan tetapi belum dibangunkan • Dalam perancangan untuk dibangunkan/dimajukan
Rr	Restorasi Pemulihan kepada keadaan yang asal
Rezab	Kawasan yang disimpan untuk pembangunan akan datang
Ss	Screenline Skrin adalah garis khayalan di peta, terdiri daripada satu atau lebih segmen garis lurus. Analisis skrin memberi satu cara untuk membandingkan hasil pengagihan trafik dengan data trafik
Spatial	Reruang fizikal
Strategik	Lokasi yang bersesuaian
Tt	Tadbir urus Sebagai satu sistem di mana organisasi diarah dan dikawal
Tanah bandar	lalah bahan tanah mengadungi lapisan bukan pertanian, buatan manusia setebal hingga 50 sm dalam, yang dihasilkan dengan proses campuran, penambahan, atau pencemaran permukaan tanah di kawasan bandar dan pinggir bandar
Tanah kosong	Tanah kosong ditafsirkan sebagai lot yang telah dibangunkan tetapi terbengkalai, lot yang sedang dibangunkan dan lot berpotensi untuk pembangunan masa hadapan
Tebatan	Penghalang atau meletakkan sesuatu halangan
Tepu bina	Kawasan di mana guna tanah utamanya adalah guna tanah perbandaran yang terdiri daripada perumahan, perdagangan, industri, institusi dan kemudahan infrastruktur yang lain
Topografi	Permukaan struktur bumi yang terdiri daripada tanah rata, pantai dan pergunungan



Transit Oriented Development

Kawasan perumahan dan komersil yang direkabentuk untuk memaksimumkan kebolehsampaian melalui transit dan mod pengangkutan tidak bermotor, serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam

Turbin

Sebuah mesin berputar yang mengambil energi dari aliran fluida

Uu

Urban Renewal

Pembangunan semula kawasan-kawasan di dalam sebuah bandar besar, biasanya melibatkan keluasan kawasan setingan

Vv

Vertical farming

Merupakan satu kaedah pertanian secara bertingkat atau berteres

Ww

Wilayah

Wilayah bermaksud sesuatu kawasan yang menjangkau dua (2) atau lebih kawasan pentadbiran. Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172, wilayah terdiri dari dua (2) negeri atau lebih

Zz

**Zon Industri
Akuakultur**

Pengezonan kawasan tanah dan perairan yang dikenalpasti sesuai untuk dibangunkan dengan projek akuakultur berskala komersial untuk meningkatkan pengeluaran ikan, udang, kerang dan lain-lain produk marin yang boleh dikomersialkan

DRAF RANCANGAN TEMPATAN

SINGKATAN KATA

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
2035 (PENGgantian)

3R	<i>Reduce, Reuse and Recycle</i>	DRSK (P)	Draf Rancangan Struktur Klang (Pengubahan) 1998-2020
AEP	Asas Ekonomi dan Pola Petempatan	DRT	Draf Rancangan Tempatan
ANHC	<i>Asa Niaga Harbour City</i>	DRTK	Draf Rancangan Tempatan Klang
ASP	Alam Sekitar dan Perhutanan	DSAN	Dasar Sumber Air Negara
BCC	<i>Boustead Cruise Centre</i>	DSN	Dasar Sosial Negara
Bil.	Bilangan	DVS	<i>Department Veterinary Services</i> (Jabatan Perkhidmatan Veterinar)
BMGN	Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara	EIA	Penilaian Kesan Alam Sekitar
BP	Blok Perancangan	Ek.	Ekar
BPK	Blok Perancangan Kecil	EPU	<i>Economic Planning Unit</i> (Unit Perancangan Ekonomi)
BPKU	Blok Perancangan Klang Utara	ESCAP	<i>United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific</i>
BPS	Blok Perancangan Klang Selatan	ETP	<i>Economic Transformation Programme</i> (Program Transformasi Ekonomi)
BRT	<i>Bus Rapid Transit</i> (Transit Aliran Bas)	FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i> (Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia)
CAE	<i>Controlled Agriculture Environment</i>	FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
CBD	<i>Central Business District</i>	GAP	<i>Good Agricultural Practice</i>
CCTV	<i>Closed-circuit Television</i> (Kamera Litar Tertutup)	GBI	<i>Green Building Index</i> (Indeks Bangunan Hijau)
CO2	<i>Carbon Dioxide</i> (Karbon Dioksida)	GIS	<i>Geographic Information System</i> (Sistem Maklumat Geografi)
CPTED	<i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> (Pelaksanaan Rekabentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat)	GP	Garis Panduan
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i> (Tanggungjawab Sosial Korporat)	GPP	Garis Panduan Perancangan
DAS	Dasar Alam Sekitar	Hek.	Hektar
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	HSK	Hutan Simpan Kekal
DFT	<i>Deep Flow Technique</i> (Teknik Aliran Dalam)	IBA	<i>Important Biodiversity Area</i>
DGS	Demografi, Guna Tenaga dan Sumber Manusia	ICLEI	<i>International Council for Local Governments</i>
DPMS	<i>Development Project Management System</i>	ICT	<i>Information and Communication Technologies</i> (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
DPN2	Dasar Perbandaran Negara 2		
DRFDN	Dasar Rancangan Fizikal Desa Negara		
DRN	Dasar Perumahan Negara		



IK	Institut Kemahiran	KAKT	Klasifikasi Aktiviti Kegunaan Tanah
IKAM	Institut Kualiti Air Marin Malaysia	Kg.	Kampung
IKM	Institut Kemahiran Mara	Km.	Kilometer
IKS	Industri Kecil Sederhana	KM	Kebenaran Merancang
IPD	Ibu Pejabat Daerah	KEMAS	Kebajikan Masyarakat
IPK	Ibu Pejabat Kontingen	KESAS	Lebuhraya Shah Alam
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam	KMK	Kemudahan Masyarakat dan Komuniti
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta	KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
IPU	Indeks Pencemaran Udara	KKT	Kelas Kegunaan Tanah
IRBM	<i>Integrated River Basin Management</i> (Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu)	KLIA	<i>Kuala Lumpur International Airport</i> (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur)
IT	Teknologi Maklumat	KP	Komersial dan Perindustrian
IU	Infrastruktur dan Utiliti	kp	Kaki Persegi
IWK	Indah Water Konsortium	KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JAS	Jabatan Alam Sekitar	KRM	Koridor Raya Multimedia
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
Jbt	Jabatan	KTK	Kilang Tanpa Kebenaran
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia	KTM	Keretapi Tanah Melayu
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Kampung	KTN	Kanun Tanah Negara
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri	LASP	Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan
JKR	Jabatan Kerja Raya	LCCF	<i>Low Carbon City Framework</i> (Kerangka Kerja Bandar Rendah Karbon)
JMB	<i>Joint Management Body</i> (Badan Pengurusan Bersama)	LED	<i>Light-Emitting Diode</i>
JPA3	Jabatan Pertahanan Awam	LLM	Lembaga Lebuhraya Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan	LPHS	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
JPN	Jawatankuasa Perancangan Negeri	LPK	Laporan Pendekatan Kajian
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran		
JSTPA	Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam		
JTK	Jabatan Tenaga Kerja		



LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang	NUA	<i>New Urban Agenda</i> (Agenda Perbandaran Baru)
LPRSNS	Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Selangor	OKU	Orang Kelainan Upaya
LRB	Landskap dan Rekabentuk Bandar	OSC	<i>One Stop Centre</i> (Unit Pusat Setempat)
LRP	Laporan Rangka Projek	P/E	<i>Population Equivalent</i> (Kesetaraan Penduduk)
LRT	<i>Light Rapid Transit</i> (Transit Aliran Ringan)	PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
LTE	<i>Long-Term Evolution</i> (Evolusi Jangka Panjang)	PBPT	Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
LUAS	Lembaga Urus Air Selangor	PBN	Pihak Berkuasa Negeri
m.	Meter	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
Mak.	Maksimum	PDRM	Polis Diraja Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat	PE	Pencawang Elektrik
MARDI	<i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute</i> (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia)	PGT	Perancangan Guna Tanah
MBR	<i>Membrane Biological Reactor</i>	PKC	<i>Palm Kernel Cake</i>
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam	PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya	PL	Pelancongan
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Min.	Minimum	PMU	Pencawang Masuk Utama
MMK	Mesyuarat Majlis Kerajaan	PPA	Pengurusan Lalulintas dan Pengangkutan Awam
MP	Majlis Perbandaran	PPD	Pusat Pertumbuhan Desa
MPK	Majlis Perbandaran Klang	PPP	Pertanian, Penternakan dan Perikanan
MRT	<i>Mass Rapid Transit</i> (Transit Aliran Berat)	PPPSK	Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang
MSC	<i>Multimedia Super Corridor</i>	PPSPPA	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
MURNInets	<i>Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development</i>	PPU	Pencawang Pembahagi Utama
NFT	<i>Nutrient Film Technique</i> (Teknik Aliran Nipis)	PRPD	Perumahan dan Petempatan Desa
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>	PTD	Pejabat Tanah dan Daerah
NKVE	Lebuhraya Baru Lembah Klang	PUAS	Perbadanan Urus Air Selangor Berhad
		R&D	<i>Research & Development</i> (Penyelidikan & Pembangunan)



RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia	SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
RFN3	Rancangan Fizikal Negara ke 3	SPB	Sistem Penarafan Bintang
RKK	Rancangan Kawasan Khas	SRA	Sekolah Rendah Agama
RMK-11	Rancangan Malaysia Ke-11	STP	<i>Sewage Treatment Plant</i> (Loji Rawatan Kumbahan)
RMLT	Rancangan Malaysia Lima Tahun	SWOT	<i>Strengths, Weaknesses, Opportunities & Threats</i> (Kekuatan, Kelemahan, Peluang & Ancaman)
RMM	Rumah Mampu Milik	SYABAS	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd
RO	<i>Reverse Osmosis</i>	TIC	<i>Tourist Information Centre</i> (Pusat Penerangan Pelancongan)
RPT	Rumah Penyembelihan Tempatan	TKPM	Tanah Kekal Pengeluaran Makanan
RSKU	Rumah Selangorku	TLK	Tempat Letak Kereta
RSN	Rancangan Struktur Negeri	TM	Telekom Malaysia Berhad
RT	Rancangan Tempatan	TNB	Tenaga Nasional Berhad
RTC	<i>Rural Transformation Center</i> (Pusat Transformasi Luar Bandar)	TOD	<i>Transit Oriented Development</i> (Pembangunan Berorientasikan Transit)
RTMPK	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang	TRM	Tanah Rizab Melayu
SDCC	<i>Selangor Digital Creative Centre</i>	TSB	Tourism Selangor Sdn Bhd
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>	UPEN	Unit Perancangan Ekonomi Negeri
Sg.	Sungai	WLK	Wilayah Lembah Klang
SIRIM	<i>Standard and Industrial Research Institute of Malaysia</i> (Institut Penyelidikan dan Piawaian Industri Malaysia)	ZIA	Zon Industri Akuakultur
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina		
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil		
SK	Sekolah Kebangsaan		
SM	Sekolah Menengah		
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia		
SKVE	<i>South Klang Valley Expressway</i>		
SMG	<i>Selangor Maritime Gateway</i>		
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan		
SOHO	<i>Small Office Home Office</i>		

DRAF RANCANGAN TEMPATAN

ISI KANDUNGAN

MAJLIS PERBANDARAN
KLANG 2035 (PENGgantian)

BAHAGIAN 1 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

1.0	PENDAHULUAN	B1-2
1.1	Pengenalan	B1-2
2.0	MPK SEBAGAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	B1-3
3.0	MPK SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN (PBPT)	B1-5
3.1	Fungsi dan Peranan PBPT	B1-5
3.2	Penyediaan Draf Rancangan Tempatan	B1-5
4.0	GOVERNANS KEMAMPAHAN	B1-6
4.1	Prinsip Governans Baik, ESCAP 2010	B1-6
4.2	10 Agenda ICLEI	B1-6
4.3	Pelaksanaan Agenda 21 MPK	B1-8
4.4	Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2016-2020	B1-11
5.0	PENGURUSAN PERANCANGAN	B1-13
5.1	Perundangan	B1-13
5.2	Sistem Maklumat	B1-15
5.3	Tanggungjawab Perancangan Bandar dan Desa di MPK	B1-19
5.4	Tenaga Kerja	B1-20
5.5	Sumber Kewangan	B1-21
6.0	DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF	B1-29
7.0	KLANG KE ARAH BANDAR RENDAH KARBON DAN MAMPAN	B1-40
8.0	KLANG KE ARAH BANDAR DIGITAL DAN BERDAYA MAJU	B1-43
9.0	ANALISIS QUICK WINS	B1-45
9.1	Quick wins analysis dalam pelaksanaan cadangan RTMPK 2035 (Penggantian)	B1-45
9.2	Anggaran Kos Pelaksanaan Cadangan / Projek bagi RTMPK 2035 (Penggantian)	B1-58
10.0	RUMUSAN CADANGAN	B1-67



BAHAGIAN 2 PENILAIAN KEMAMPAHAN

1.0	PENGENALAN	B2-2
1.1	Konsep dan Takrifan Pembangunan Mampan	B2-2
1.2	Prinsip dan Ciri Penilaian Kemampanan	B2-2
1.3	Ciri-ciri Penilaian Kemampanan	B2-3
2.0	KAEDAH PK DALAM PROSES PENYEDIAAN RTMPK 2035 (Penggantian)	B2-4
2.1	Pendekatan dan Proses Penilaian Kemampanan	B2-4
3.0	OBJEKTIF KEMAMPAHAN DAN ASAS PENILAIAN KEMAMPAHAN	B2-5
4.0	PENILAIAN KEMAMPAHAN STRATEGI PEMBANGUNAN	B2-9
4.1	Pembentukan dan Penilaian Strategi Pembangunan	B2-9
4.2	Rumusan Penilaian Keserasian Strategi Pembangunan	B2-18
5.0	PENILAIAN KEMAMPAHAN CADANGAN PEMBANGUNAN RTMPK 2035 (Penggantian)	B2-19
5.1	Pembentukan Cadangan Pembangunan RTMPK 2035(Penggantian)	B2-19
5.2	Rumusan Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan	B2-30

DRAF RANCANGAN TEMPATAN SENARAI RAJAH

MAJLIS PERBANDARAN
KLANG 2035 (PENGgantian)

BAHAGIAN 1 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Rajah B1-1	Prinsip Governans Baik daripada UN	B1-6
Rajah B1-2	Konsep LA21 bagi MPK	B1-9
Rajah B1-3	Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan MPK (2011 – 2017)	B1-21
Rajah B1-4	Asas Utama Dalam Penyediaan Infrastruktur Digital	B1-44
Rajah B1-5	Rumusan penentuan cadangan yang berasaskan projek dan cadangan yang tidak berasaskan projek	B1-46

BAHAGIAN 2 PENILAIAN KEMAMPAHAN

Rajah B2-1	Proses Penilaian Kemampanan RTMPK 2035 (Penggantian)	B2-4
Rajah B2-2	Dimensi Pembangunan Ke Arah Mencapai Sasaran Kemampanan Penuh Klang Menjelang 2035	B2-18
Rajah B2-3	Rumusan Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan RTMPK 2035 (penggantian) dengan Objektif Kemampanan	B2-30



DRAF RANCANGAN TEMPATAN

SENARAI JADUAL

**MAJLIS PERBANDARAN
KLANG 2035 (PENGANTIAN)**

BAHAGIAN 1 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Jadual B1-1	Hubungan Jabatan di MPK dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa MPK	B1-19
Jadual B1-2	Perbandingan Keupayaan Institusi Antara MPK Dengan DBKL, MBSA, MBPJ dan MBSJ Dalam Pengurusan Perancangan Bandar Semasa	B1-20
Jadual B1-3	Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan MPK (2011 – 2017)	B1-21
Jadual B1-4	Analisis Maklumat Kewangan MPK 2011 – 2017	B1-22
Jadual B1-5	Maklumat Pendapatan MPK 2015-2017	B1-23
Jadual B1-6	Maklumat Perbelanjaan MPK 2015-2017	B1-23
Jadual B1-7	Pencapaian Kemampuan Klang (Perbandaran)	B1-31
Jadual B1-8	Keputusan SPB-PBT Semenanjung Dan Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Tahun 2013	B1-31
Jadual B1-9	Kriteria Bagi Dewan / Majlis Bandaraya	B1-32
Jadual B1-10	Perbandingan Keupayaan Institusi Antara MPK Dengan DBKL, MBSA dan MBSJ, MBPJ Dalam Pengurusan Perancangan Semasa	B1-35
Jadual B1-11	Definisi Masa Pelaksanaan & Pulangan Projek dan Program RTMPK 2035 (Penggantian)	B1-45
Jadual B1-12	Penentuan cadangan yang berbentuk projek dan cadangan yang tidak berasaskan projek	B1-47

BAHAGIAN 2 PENILAIAN KEMAMPAAN

Jadual B2-1	Matrik Keserasian Langkah-langkah Strategi Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan	B2-10
Jadual B2-2	Rumusan Penilaian Keserasian Pelaksanaan Strategi Pembangunan Berserta Cadangan Mitigasi	B2-12
Jadual B2-3	Matrik Keserasian Sub-Strategi Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan	B2-14
Jadual B2-4	Rumusan Penilaian Keserasian Sub-Strategi Pembangunan Berserta Cadangan Mitigasi	B2-17
Jadual B2-5	Matrik Keserasian Cadangan Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan – Dimensi Guna Tanah dan Sumber Asli Optimum	B2-20
Jadual B2-6	Matrik Keserasian Cadangan Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan – Dimensi Ekonomi Berdaya saing	B2-21
Jadual B2-7	Matrik Keserasian Cadangan Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan – Dimensi Komuniti Sejahtera	B2-24
Jadual B2-8	Matrik Keserasian Cadangan Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan – Dimensi Persekitaran Berkualiti	B2-25
Jadual B2-9	Matrik Keserasian Cadangan Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan – Dimensi Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien	B2-27
Jadual B2-10	Matrik Keserasian Cadangan Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampuan – Dimensi Governans Efektif	B2-29



RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN

KLANG 2035

(PENGANTIAN)



BAHAGIAN

1

Bahagian ini membincangkan cadangan bagi sektor pengurusan dan pelaksanaan yang akan dapat membantu ke arah pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian)



1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Majlis Perbandaran Klang (MPK) bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171) dan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) seperti mana yang telah termaktub dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Ia juga merupakan agensi yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan pelaksanaan Rancangan Tempatan yang telah disediakan dan diwartakan (Akta 172).

Kejayaan MPK sebagai PBT serta PBPT, dan dalam pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian) bergantung kepada beberapa faktor utama khususnya:


- ◆ Pelaksanaan governans baik sebagai PBT dan PBPT;
- ◆ Inklusif dalam penglibatan pihak berkepentingan;
- ◆ Keupayaan MPK sebagai PBPT;
- ◆ Kejayaan dalam pelaksanaan projek dan program; dan
- ◆ Pemantauan, penilaian dan kajian semula perancangan yang berkesan.

Perkara di atas adalah selaras dengan peranan MPK dalam merealisasikan pembangunan mampan dan berdaya saing di Klang:

MPK sebagai PBPT bertindak sebagai:

- ① Penterjemah, penyelarar dan pelaksana Dasar Dan Strategi Pembangunan Mampan yang diterima pakai oleh organisasi peringkat global, nasional dan negeri;
- ② Perantara dan penyelarar Agenda Pembangunan Mampan Melalui Teras Sosial, Ekonomi, Alam Sekitar, Budaya dan Governans bersama penduduk tempatan melalui program Agenda 21 Tempatan;
- ③ Pelaksana Dasar dan Strategi Rancangan pembangunan peringkat negeri, peringkat tempatan; dan
- ④ Penterjemah dan pemantau pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan dalam dokumen perancangan fizikal nasional (RFN, DPN dan lain), dan negeri (RSNS dan lain) ke dalam Rancangan Tempatan (RT).

Tindakan MPK dalam perkara tersebut di atas adalah sepertimana yang terkandung dalam Dimensi Governans Efektif yang mengintegrasikan Dimensi Guna Tanah dan Sumber Asli Optimum, Dimensi Ekonomi Berdaya Saing, Dimensi Komuniti Sejahtera, Dimensi Persekitaran Berkualiti, serta Dimensi Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien, iaitu enam (6) dimensi kemampan Bandaraya Klang DiRaja dan Warisan menjelang 2035.





2.0

MPK SEBAGAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

MPK ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Jadi selain daripada menjalankan fungsinya sebagai PBPT di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) MPK juga perlu melaksanakan fungsinya di bawah Akta 171. Bahagian-bahagian yang sangat berkaitan dengan perancangan bandar dinyatakan di sini. Fungsi MPK sebagai PBT di bawah Akta 171 merupakan justifikasi dalam penyediaan sumber tenaga kerja dan kewangan yang mencukupi kepada MPK amnya dan kepada JPBD dan MPK khususnya. Hal ini adalah berkaitan dengan tanggungjawab MPK sebagai PBPT mampan, khususnya dalam perancangan dan pembangunan melalui enam (6) Dimensi Kemampanan yang digunapakai oleh MPK.

**BAHAGIAN II AKTA 171:**
PENTADBIRAN Pihak Berkuasa
Tempatan**SEKSYEN 8: Pentadbiran Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**

Menerangkan bahawa hal ehwal kawasan Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) hendaklah ditadbir oleh sesuatu pihak.

SEKSYEN 9: Kuasa Pihak Berkuasa Negeri Untuk Memberi Arahan

Menyatakan bahawa PBT hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengenai maklumat akaun, penyata dan maklumat lain yang berpatutan dari semasa ke semasa. Selain itu, PBT juga akan menerima dan mengunapakai arahan am atau dasar dari PBN dalam menjalankan peranan PBT.

**BAHAGIAN VII:**
TEMPAT AWAM**SEKSYEN 63: Pengawalan Tempat Awam, dsb.**

PBT berkuasa dan bertanggungjawab menjalankan kawalan dan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan mereka.

SEKSYEN 64 – SEKSYEN 68:

PBT bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk membaik pulih, membesarkan, mendirikan bangunan untuk kegunaan awam, menutup, dan menamakan tempat awam di bawah kelolaan mereka.

**BAHAGIAN V:**
PERUNTUKAN AM KEWANGAN**SEKSYEN 39: Hasil Pihak Berkuasa Tempatan**

Antara hasil kutipan PBT terdiri daripada:

- Cukai, kadar sewa, bayaran lesen, dan lain-lain wang atau caj yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan;
- Caj atau keuntungan yang terbit daripada apa-apa perdagangan, perkhidmatan atau pengusahaan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu di bawah kuasa yang terletak hak padanya;
- Bunga atas apa-apa wang yang dilaburkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu dan semua pendapatan yang terbit daripada harta alih dan tak alih Pihak Berkuasa Tempatan itu; dan
- Hasil lain kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau daripada mana-mana badan berkanun, lain-lain Pihak Berkuasa Tempatan seperti pemberian, sumbangan, *endowmen* dan sebagainya.



BAHAGIAN XII:
KUASA TAMBAHAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN

SEKSYEN 101: Kuasa Tambahan Pihak Berkuasa Tempatan

- ☐ Mendirikan, menyenggara dan memelihara bangunan;
- ☐ Menanam, memangkas atau membuang pokok;
- ☐ Membina, menyenggara, menyelia dan mengawal taman awam, taman bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan bilik makan-minum;
- ☐ Menjalankan kerja yang memberi apa-apa faedah am kepada penduduk kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;
- ☐ Menyusun atur dan membina sesuatu medan atau tempat terbuka kepunyaan Pihak Berkuasa Tempatan;
- ☐ Menubuhkan, mendirikan dan menyenggara monumen dan tugu awam dan memberi dan menerima pemberian wang bagi menubuhkan dan menyenggaranya;
- ☐ Menganjurkan, menubuhkan, menyenggara, mengawal, menyewa dan memberi sumbangan kepada pasukan pancaragam untuk mengadakan permainan muzik dan sandiwara di tempat awam dan di majlis perayaan Pihak Berkuasa Tempatan atau majlis perayaan awam dan amnya untuk mengadakan hiburan awam di tempat itu dan di majlis perayaan itu;
- ☐ Mengadakan, mendirikan dan menyenggara mesin timbang awam dan menyelia dan mengawal alat timbang dan sukat;
- ☐ Mengadakan, mendirikan, menyenggara, menyelia dan mengawal kerja air, tempat mandi awam, tempat mandi, tempat pencuci pakaian dan tempat membasuh, pancuran minum, tangki dan telaga;
- ☐ Membuat perkiraan untuk mengadakan lampu di lebuah awam dan di tempat awam;
- ☐ Mengadakan dan menyenggara perkhidmatan ambulan;
- ☐ Memperoleh, menubuhkan, mendirikan, menyenggara dan mengawal sama ada secara sendiri atau bersama dengan mana-mana badan atau lain-lain pihak berkuasa, klinik dan dispensari awam di dalam atau di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, dan menetapkan bayaran bagi rawatan di dalamnya;
- ☐ Menubuhkan, mendirikan dan menyenggara rumah sakit binatang;

SEKSYEN 101: Kuasa Tambahan Pihak Berkuasa Tempatan

- ☐ Mengadakan, memperoleh, menyenggara dan menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam di dalam atau di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang berhubungan dengan lalu lintas jalan;
- ☐ Mendirikan dan menyelenggara kedai dan rumah kediaman dan pangsa dan menjual, menyewakan ataupun melupuskannya;
- ☐ Memperoleh, memajukan dan menyenggara tanah bagi maksud estet perindustrian dan pelupusannya;
- ☐ Memperoleh, membeli atau mengambil atas pajakan mana-mana tanah, atau apa-apa harta, hak atau kepentingan lain di dalam atau di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;
- ☐ Mengadakan dan menyenggara sama ada di dalam atau di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan rumah tempat tinggal, termasuk rumah beristirehat untuk pesakit yang baru sembuh atau rumah bercuti, kelab dan padang permainan untuk pegawai dan pekerja Pihak Berkuasa Tempatan;
- ☐ Memberi bantuan wang atau bantuan lain kepada anggota majlis, pegawai, pekerja dan orang lain untuk mengikuti kursus pengajian dan latihan praktik yang diluluskan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk dikenakan;
- ☐ Melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam;
- ☐ Membayar apa-apa gaji, elaun dan ganjaran dan membayar apa-apa carum kepada mana-mana Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan;
- ☐ Memberi pinjaman kepada pegawai dan pekerja bagi maksud membeli kereta motor atau basikal atas apa-apa syarat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan;
- ☐ Membayar kepada Ahli Majlis, pegawai dan pekerja yang bertugas atau kerana menghadiri mesyuarat, persidangan dan seminar yang diatur untuk pentadbiran Kerajaan Tempatan elaun perjalanan, belanja hidup dan elaun lain mengikut apa-apa kadar yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa; dan
- ☐ Membayar belanja perubatan yang dilakukan oleh mana-mana Ahli Majlis, pegawai atau pekerja;



3.0 MPK SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN (PBPT)

Peruntukan undang-undang bagi Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) diperuntukkan di bawah Sub-seksyen 5(1) Akta 172.

Ini bermaksud setiap PBT, sebagai PBPT, bertanggungjawab dalam melaksanakan perancangan pembangunan di dalam kawasannya seiring dengan konteks pembangunan negeri dan nasional.

3.1 FUNGSI DAN PERANAN PBPT



Tiga (3) fungsi PBPT yang disenaraikan di Seksyen 6 Bahagian II adalah seperti berikut:

- ❑ Untuk mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan, penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasannya;
- ❑ Untuk mengusahakan, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyenggaraan, dan penyiaran perangkaan, buletin, monograf, dan penyiaran lain yang berhubungan dengan Perancangan Bandar dan Desa dan perkaedahannya; dan
- ❑ Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau oleh Jawatankuasa.

3.2 PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN

SEKSYEN 12: (2) Jika suatu Rancangan Struktur bagi Negeri telah berkuatkuasa, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan suatu Draf Rancangan Tempatan bagi seluruh kawasannya.


(3) Suatu Draf Rancangan Tempatan hendaklah mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis dan hendaklah—

(a) merumuskan, yang mengandungi apa-apa perincian yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan mengenai cadangannya bagi—

- i. memajukan;
- ii. menggunakan tanah dalam;
- iii. melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal bagi;
- iv. memelihara topografi semula jadi;

SEKSYEN 5 AKTA 172:

(1) *Tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menjadi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.*



- v. memperelok landskap;
- vi. memelihara dan menanam pokok;
- vii. mengadakan tanah lapang dalam;
- viii. memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan dalam;
- ix. memperelok sistem komunikasi dalam; dan
- x. menguruskan lalu lintas dalam,

kawasan Rancangan Tempatan; dan

(b) mengandungi perkara yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa dalam apa-apa hal yang tertentu.



4.0 GOVERNANS KEMAMPAHAN


Governans adalah penting untuk kemampaan dan memerlukan PBT dan PBPT supaya efisien, efektif, bertanggungjawab dan adil terhadap komuniti di dalam kawasanya. Dalam konteks RTMPK 2035 (Penggantian), yang diutamakan ialah governans baik dalam pelaksanaan perancangan RT ini.

Berikut ialah beberapa perspektif governans baik yang disaran untuk diamalkan oleh MPK sepenuhnya sebagai sokongan dalam pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian).

4.1 PRINSIP GOVERNANS BAIK, ESCAP 2010

Pengurusan dan pelaksanaan perancangan oleh MPK serta kaedah pelaksanaan cadangan projek dan program RTMPK 2035 (Penggantian) akan berpandu dan berasaskan prinsip

governans baik daripada *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (ESCAP) 2010 (rujuk **Rajah B1-1**)



Rajah B1-1: Prinsip Governans Baik daripada UN
Sumber: Laporan Analisis Strategi Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian)

4.2 10 AGENDA ICLEI

International Council for Local Governments (ICLEI) yang bertemakan *Local Governments for Sustainability* adalah merupakan persatuan yang ditubuhkan bagi memandu ke arah pembentukan pembangunan mampan di peringkat antarabangsa.

ICLEI berfungsi untuk memupuk dan menggalakkan inisiatif bagi mencapai kelestarian di peringkat global dan membentuk sesebuah bandar ke arah yang lebih mampan, berdaya tahan, pengurusan sumber & biodiversiti yang cekap, rendah karbon, berupaya membina jaringan infrastruktur pintar dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi hijau dan inklusif.

ICLEI telah bekerjasama dengan banyak kerajaan tempatan di seluruh dunia untuk memupuk kesedaran politik dalam kalangan ahlinya melalui 10 Agenda kemampaan. Jadi MPK perlu mengambil faedah daripada pengalaman dan perkongsian melalui ICLEI.

Bahagian berikutnya menerangkan 10 agenda ICLEI yang telah diketengahkan dalam pembentukan pembangunan mampan di peringkat antarabangsa.



4.2.1 10 AGENDA ICLEI

Sustainable City Agenda



Matlamat keseluruhan ICLEI adalah mewujudkan bandar-bandar mampan yang mempunyai alam sekitar yang baik, keadaan sosial, ekonomi, komuniti yang sihat dan

berdaya tahan dan memberi jaminan serta memenuhi keperluan untuk generasi akan datang. Pengintegrasian dasar-dasar digunakan bagi mencapai matlamat ekologi dan sosial yang disokong dengan potensi ekonomi.

Low-Carbon City Agenda



Pembentukan Bandar Rendah Karbon dapat dilaksanakan secara berperingkat ke arah mencapai status karbon neutral, bandar berdaya tahan, keselamatan tenaga, pembangunan ekonomi hijau dan disokong oleh penyediaan infrastruktur yang hijau dan stabil. Kolaborasi di antara pelbagai pihak dari peringkat antarabangsa, persekutuan, negeri dan tempatan amat diperlukan bagi mengoptimalkan langkah perlindungan dan pemuliharaan iklim.

Pengurusan Sumber Cepak dan Agenda Bandar Produktif



Bandar yang mempunyai pengurusan sumber yang cekap juga dikenali sebagai *Eco-Cities* (Bandar Eko)-memastikan pembangunan sosio-ekonomi dipisahkan dengan eksploitasi sumber dan impak kepada ekologi. Meminimumkan penggunaan sumber bagi mengelakkan kemerosotan kualiti alam sekitar dan mengurangkan penjejakan sisa.

Agenda Bandar Berdaya Tahan



Bandar Berdaya Tahan merupakan bandar yang bersedia menerima dan pulih dari sebarang tekanan dan kejutan pembangunan dan mampu mengekalkan fungsi, struktur dan identitinya disamping terus berkembang maju.

BiodiverCity Agenda



Bandar yang mempunyai kepelbagaian bio (*BiodiverCity*) turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi semasa, kemampanan dan kesejahteraan sosial. Ia juga merupakan penyumbang utama bagi sesebuah bandar mencapai matlamat kemampanan biodiversiti di peringkat global.



Smart City Agenda

Sebuah Bandar Pintar menggunakan elemen 'Bandar Pintar' ke dalam operasi dan pengurusan pembangunan bandar dan dipandu oleh matlamat ke arah menjadi bandar yang lebih mampan dan berdaya tahan.



EcoMobile City (Sustainable Urban Mobility) Agenda

Bandar EcoMobile memenuhi objektif pembentukan bandar yang boleh diakses dengan menggunakan prinsip *Sustainable Urban Mobility* ke arah pengurangan pelepasan gas rumah hijau, penjimatan tenaga dan meningkatkan mobiliti terutamanya dalam bandar.



Happy, Healthy and Inclusive Communities Agenda

Komuniti yang gembira, sihat dan inklusif juga merupakan penyumbang ke arah pertumbuhan KDNK yang seimbang dan pembangunan yang mampan dan berdaya saing. Masyarakat yang mempunyai kualiti hidup yang baik menawarkan pendidikan, budaya kerja hijau serta tadbir urus yang cemerlang.



Sustainable Local Economy and Procurement Agenda

Pembangunan ekonomi yang mampan meningkatkan kesejahteraan komuniti dan ekuiti sosial, serta mengurangkan risiko alam sekitar dan kekurangan sumber semula jadi. Ekonomi yang mampan adalah ekonomi yang mempunyai pengurusan sumber yang cekap, rendah karbon, bertanggungjawab sosial dan pelbagai.



Sustainable City-Region Cooperation Agenda

Kerajaan di peringkat nasional dan sub-nasional adalah merupakan penggerak utama bagi mencapai tahap kemampanan secara global. Dasar, rancangan dan inisiatif pembangunan yang dibentuk selari dengan prinsip-prinsip kemampanan. Selain itu, rangka kerja diperingkat tempatan perlu disediakan bagi menggerakkan pelaksanaan pembangunan mampan di pelbagai peringkat.

Sumber: <http://kcc.iclei.org/home/agendas-10.html>



4.3 PELAKSANAAN AGENDA 21 MPK

Pembangunan Mampan melalui enam (6) Dimensi Kemampanan yang digunapakai oleh MPK perlu disokong oleh semua pihak berkepentingan yang menggembeling tenaga ke arah kemampanan. Kaedah yang terbaik ialah melalui pelaksanaan Bab 28, Agenda 21 Dunia, khususnya melalui program Agenda 21 Tempatan Klang.

4.3.1 AGENDA 21 - BAB 28- INISIATIF Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) DALAM MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN MAMPAN

Asas Tindakan:

Penglibatan dan sumbangan PBT berupaya mencapai objektif dalam menyelesaikan isu-isu pembangunan. Hal ini kerana PBT berperanan untuk membangunkan dan mengekalkan ekonomi semasa dan masa depan, menyediakan kemudahan sosial dan infrastruktur yang diperlukan, mengawal proses perancangan yang cekap dan berkesan, mewujudkan dan melaksanakan dasar-dasar dan peraturan pengawalan persekitaran, dan melaksanakan dasar dan polisi peringkat nasional dan antarabangsa di peringkat tempatan.

Cadangan Aktiviti:



Mengadakan program **dialog bersama masyarakat setempat, organisasi atau persatuan penduduk**, secara berkala dan

Mengambil kira maklumbalas dan pandangan dari organisasi atau pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan.

Maklumbalas daripada pihak terbabit akan dapat membantu PBT membuat **penambahbaikan terhadap cadangan-cadangan dalam pelan pembangunan** di peringkat tempatan dan wilayah serta memudahkan perolehan pembiayaan pelaksanaan pelan pembangunan tersebut.



Mewujudkan **perkongsian antara PBT dan organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa** bagi mendapat sokongan dan input tambahan untuk penambahbaikan dan pengukuhan peranan PBT sebagai pihak pelaksana utama. Selain itu, perkongsian ini juga dapat dijadikan medium bagi pihak atau organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa menilai tahap dan sistem pengurusan yang telah diterapkan bagi setiap PBT, seterusnya mendapat maklumbalas bagi tujuan penambahbaikan.



Setiap **PBT digalakkan bekerjasama antara satu sama lain** dan mewujudkan perkongsian maklumat, pengalaman dan

bantuan dan nasihat teknikal ke arah mewujudkan sistem pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan yang mampan dan efisien.

BAHAGIAN I

BAHAGIAN 2





Fungsi & Peranan Tiga Pihak Terlibat dalam Local Agenda 21

Pihak Berkuasa Tempatan (MPK) DAN AGENSI KERAJAAN	MASYARAKAT (PERSATUAN PENDUDUK / NGO)	SWASTA (SYARIKAT PEMBUATAN / PEMBINAAN / PERKHIDMATAN / PERDAGANGAN)
Agen Perantara – Pengantara, penyalur maklumat & program	Agen Perantara – Pengantara, penyalur maklumat & program	Agen Perantara – Pengantara, penyalur maklumat & program
Perancangan Bersistematik – Membuat perancangan pengurusan yang sistematik	Perancang Bersama – Masyarakat bebas mengemukakan pandangan	Perancang Bersama – Terlibat dalam proses perancangan pembangunan
Pelan Tindakan – Menyediakan pelan tindakan strategik menyeluruh	Keputusan – Memberi pandangan bagi setiap cadangan pembangunan	Keputusan – Diberi galakan sepenuhnya untuk terlibat dalam proses membuat keputusan
Syarat Kelulusan Pembangunan – Mempertingkatkan syarat kelulusan pembangunan & konsep EIA secara menyeluruh	Pelan Tindakan – Menyediakan pelan tindakan & strategi menyeluruh	Pelan Tindakan – Menyediakan pelan tindakan & strategi menyeluruh
Pemantauan – Memperkasa pemantauan aktiviti / program yang dijalankan	Pemantauan – Berkongsi tanggungjawab merancang, mengurus, melaksana & memantau pembangunan setempat	Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) – Membiayai bersama
Penglibatan Bersama – Mempelbagai kaedah bagi menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan	Perlibatan Bersama – Pertemuan dan perbincangan bersama	Hebahan Media – Membantu mewujudkan kesedaran awam
Kerja Berpasukan – Bekerjasama dengan MPK sebagai satu pasukan	Kerja Berpasukan – Bekerjasama dengan MPK sebagai satu pasukan	Kerja Berpasukan – Bekerjasama dengan MPK sebagai satu pasukan
Laporan Penilaian Semula – Mendokumenkan semua program / aktiviti bagi tujuan penambahbaikan	Laporan Penilaian Semula – Mendokumenkan semua program / aktiviti bagi tujuan penambahbaikan	Laporan Penilaian Semula – Mendokumenkan semua program / aktiviti bagi tujuan penambahbaikan

Sumber: Garis Panduan Local Agenda 21 di Kawasan Majlis Perbandaran Klang (2013)



Inisiatif MPK sebagai PBPT 2018

MPK telah melaksanakan program LA21 MPK secara proaktif dengan mengambil kira sumber kewangan dan tenaga kerja yang dimiliki. Namun program ini perlu dipergiatkan lagi oleh Unit LA21 MPK yang lengkap dan kukuh dengan tenaga kerja dan kewangan yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti. Kefahaman, kesedaran dan keupayaan komuniti mengenai pembangunan mampan serta amalan pembangunan mampan sangat penting. **Masyarakat Klang perlu 'berfikir' secara mampan**, supaya segala tindakan, sama ada melalui aktiviti peningkatan tahap ekonomi dan kegiatan sosial tidak menjejaskan alam sekitar, memperkasakan budaya masyarakatnya dan melalui pengurusan baik, semuanya ke arah pembangunan mampan bagi seluruh Klang. Namun demikian, 'memikir kemampanan' bukanlah tugas Unit LA21 sahaja, tetapi hendaklah diamalkan oleh semua warga MPK.

Disarankan supaya program LA21 MPK dijalankan mengikut program khusus mengikut enam (6) Dimensi Kemampanan pembangunan yang diterimapakai oleh MPK, seperti yang dirancang dalam RTMPK 2035 (Penggantian). Cadangan bagi penambahbaikan Konsep LA21 ini akan diterangkan di bahagian cadangan yang merangkumi enam (6) Dimensi Perancangan RTMPK 2035 (Penggantian).





4.4 PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2016 – 2020

Pelan Strategik MPK 2016-2020 merupakan landasan yang baik dalam menuju ke arah Bandaraya Klang Mampan menjelang 2035. Namun pelan ini hanya boleh digunakan bagi tempoh jangka pendek dalam perancangan guna tanah iaitu bagi tempoh 2019-2020, dengan pengubahsuaian jika perlu. Pelan ini perlu disemak semula dan dipanjangkan jangkamasa bagi tempoh-tempoh 2021-2025, 2026-2030 dan 2031-2035. Pelan Strategik MPK 2016-2020 masih terpakai dan dengan itu masih boleh dijadikan medium sokongan untuk pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian) dari aspek pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan cadangan projek / program oleh jentera pentadbiran MPK.


Pembentukan Pelan Strategik MPK 2016 – 2020 mensasarkan pencapaian Visi dan Objektif berikut:

VISI: 'Klang Sebagai Sebuah Perbandaran Bertaraf Antarabangsa Yang Holistik Dan Lestari Pada Tahun 2020

OBJEKTIF



TERAS DAN STRATEGI PELAN STRATEGIK MPK 2016 - 2020





TERAS 3

Memperkukuhkan pengurusan kewangan untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat.

STRATEGI

- Meningkatkan kutipan hasil dengan mengoptimumkan cara dan mempelbagaikan kaedah kutipan.
- Memperbaiki kawalan ketirisan hasil secara kawalan dalaman dan luaran.
- Menggunakan prinsip perbelanjaan 'value for money' dalam operasi harian.
- Mempertingkatkan hasil secara mempelbagaikan dan mendapatkan punca sumber hasil baru.
- Memperkasakan pengurusan aset bagi memastikan kawalan aset dilaksanakan dengan lebih baik.

TERAS 4

Menaiktaraf kualiti perkhidmatan kebersihan dan pengindahan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

STRATEGI

- Memantapkan Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran.
- Menyediakan perkhidmatan perbandaran yang efisien dan memenuhi keperluan komuniti.
- Melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang menyeluruh dan bersepadu.
- Melaksanakan program pengindahan bandar.

TERAS 5

Memantapkan perancangan dan kawalan pembangunan bandar bagi merealisasikan pembangunan yang mampan.

STRATEGI

- Melaksanakan Pelan Perancangan Pemajuan Komprehensif.
- Memastikan Pembangunan Dilaksanakan Mengikut Pelan Lulus Pembangunan.
- Meningkatkan Tahap Kemampanan Bandar.

TERAS 6

Menambah dan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam bagi mewujudkan suasana kehidupan yang lebih selesa dan seimbang dan selamat.

STRATEGI

- Mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan awam.
- Menyediakan infrastruktur Bandar Selamat.
- Mengindahkan dan menceriakan bandar.

TERAS 7

Meningkatkan keupayaan, keprihatinan dan penglibatan masyarakat bagi mewujudkan masyarakat yang harmonis.

STRATEGI

- Mempertingkatkan imej Majlis dengan memperkukuhkan semangat kekitaan dalam organisasi.
- Membina jaringan komunikasi awam yang mesra pelanggan, keterbukaan dan responsif.
- Mempertingkatkan perkongsian maklumat dengan mengeratkan hubungan bersama agensi luaran / badan profesional.
- Menyediakan rangkaian teknologi sebagai nadi komunikasi masyarakat.

Sumber: Pelan Strategik MPK 2016 - 2020

Disarankan supaya kenyataan Visi dan Objektif Pelan Strategik diubahsuai supaya selari dengan Visi, Matlamat dan Prinsip enam (6) Dimensi Pembangunan dalam RTMPK 2035 (Penggantian), supaya semua pihak mensasarkan perkara yang sama. Tindakan yang sama juga disarankan berkaitan teras dan strategi MPK, supaya selari dengan prinsip dan sub-strategik Dimensi Governans Efisien.



5.0 PENGURUSAN PERANCANGAN

Perancangan yang baik oleh PBPT hanya boleh menghasilkan pembangunan yang baik dan mampan jika PBPT tersebut mempunyai kuasa dan sumber yang mencukupi serta mekanisma pengurusan yang efisien dan berkesan. Perundangan, tenaga kerja dan kewangan adalah tiga aspek yang terpenting.

5.1 PERUNDANGAN

MPK telah menerima pakai perundangan dan instrumen perancangan yang pelbagai untuk melaksana dan menguatkuasakan RTMPK 2035 (Penggantian), sama ada dalam pelaksanaan projek dan program olehnya sendiri atau sebagai mengawal perancangan dan pembangunan oleh pihak lain. Diantaranya adalah seperti berikut:



AKTA YANG DIGUNA PAKAI:

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Bangunan dan Harta Bersesama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663)
- Akta Makanan 1983 (Akta 281)
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)
- Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
- Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)



UNDANG - UNDANG KECIL YANG DIGUNA PAKAI :

- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986.
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 19484).
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 - Sel (1)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 - Sel. P.
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1993 - Sel. P.
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2000 - Sel (1)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2000 - Sel. P.
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2007 - Sel. P.
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2012 - Sel (1)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 2012 - Sel. P.
- Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (MPK) 1992
- Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MPK) (Pindaan) Kerajaan Tempatan 2013
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) Jalan, Parit dan Bangunan 2013
- Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (MPK) 2005
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MPK) 2005
- Undang-Undang Kecil Taman (MPK) 2005
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MPK) 2005
- Undang-Undang Kecil Vandalisme (MPK) 2005
- Undang-Undang Kecil Hotel (MPK) 2013
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Penjaja (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Iklan (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Klang) 2013
- Undang-Undang Kecil Pelesenan *Establisymen* Makanan (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Klang) 2013
- Undang-Undang Kecil Kolam Renang (MPK) 2007 *Swimming Pool Bylaw* (Majlis Perbandaran Klang) 2013



- Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Pasar (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Krematorium (MPK) 2007
- Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit dan Perusahaan Sarang Burung Walit (MPK) 2013
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam 2018



PERINTAH YANG DIGUNA PAKAI:

- Perintah Tetap Mesyuarat (Majlis Perbandaran Klang) 2007
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Klang) (Pindaan) 2012, 2014 & 2015
- Perintah-perintah Am dan Arahan Pentadbiran 2005



KAEDAH YANG DIGUNA PAKAI:

- Kaedah-Kaedah Pekerja (Perlakuan dan Tatatertib) MPK 1995
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 1999
- Kaedah-Kaedah Pemeliharaan Pokok 2001
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001
- Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010



PERATURAN YANG DIGUNA PAKAI:

- Peraturan-Peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan) 1969
- Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- Peraturan-Peraturan Kawalan Tembakau 1993
- Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker dan Video)(Kawalan dan Penyeliaan)(Selangor) 1996
- Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996
- Arahan Perbendaharaan 2018



MANUAL YANG DIGUNA PAKAI:

- Manual OSC 3.0 (kemaskini 23.5.2018)
- Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Kedua

Sumber: Laporan Analisis Strategi Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian)

Satu kajian khusus perlu dijalankan bagi mengukuhkan pelaksanaan semua Kaedah dan Undang-undang Kecil di bawah Akta 172 dan Akta 171 yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab perancangan oleh PBPT. Peraturan dan garis panduan bagi pelaksanaan semua yang berkaitan perlu juga diperkukuhkan dalam masa yang terdekat.

5.2 SISTEM MAKLUMAT

MPK merupakan salah satu PBT yang sentiasa proaktif dan berinovasi dalam menghasilkan penambahbaikan terhadap sistem maklumat dan menggunakan teknologi yang mengikut peredaran perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

Sebagai langkah penaiktarafan dan penambahbaikan sistem maklumat, MPK telah menghasilkan **Dasar Keselamatan ICT**. MPK juga berhasrat untuk menaiktaraf sistem pemprosesan dan pengurusan dokumen kepada *web based*. Terkini dan terutama, MPK sedang dalam proses menaiktaraf **DPMS**, daripada **Document Processing Management System** kepada **Development Project Management System**.

Berikut ialah penerangan ringkas mengenai sebahagian kecil inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MPK bagi tujuan penambaaian dan peningkatan tahap keberkesanan MPK sebagai PBT yang mengurus pembangunan di Klang. Sistem maklumat yang efisien dan berkesan adalah penting dalam pelaksanaan governans baik dalam pengurusan di bawah Dimensi Kemampaan Governans Efektif.

5.2.1 DASAR KESELAMATAN ICT MPK (DKICT MPKlang)

DKICT MPKlang merangkumi peraturan-peraturan yang mesti dihayati dan dipatuhi dalam menggunakan aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) MPK.

Dasar ini diluluskan pada 22hb September 2008 dan ia sentiasa dikemaskini. Tarikh kelulusan terakhir selepas pengemaskinian dilakukan adalah pada 1hb November 2016, dan masih dilaksanakan.

Selain itu, dasar ini juga mempunyai perincian mengenai tanggungjawab dan peranan semua pengguna di MPK dalam melindungi aset MPK.

Pembentukan DKICT MPKlang adalah berlandaskan tiga (3) objektif berikut:



Objektif DKICT MPKlang

- 1 Memastikan kelancaran operasi MPK yang menggunakan teknologi ICT dan meminimumkan kerosakan dan kemusnahan;
- 2 Melindungi kepentingan pihak-pihak yang bergantung kepada sistem ICT dari kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi; dan
- 3 Mencegah salah guna atau kecurian Aset ICT MPK.





Komponen Utama DKICT MPKlang


Empat (4) komponen utama ditekankan di dalam pembentukan DKICT MPKlang yang akan membantu pengadaptasian dasar ini di peringkat MPK, antaranya:



- 1 Melindungi maklumat rahsia rasmi dan maklumat rasmi kerajaan dari capaian tanpa kuasa yang sah;
- 2 Menjamin setiap maklumat adalah tepat dan sempurna;
- 3 Memastikan ketersediaan maklumat apabila diperlukan oleh pengguna; dan
- 4 Memastikan akses hanya kepada pengguna-pengguna yang sah atau penerimaan maklumat daripada sumber yang sah.

Ciri-ciri Utama DKICT MPKlang

Ciri-ciri utama yang terdapat dalam DKICT MPKlang, antaranya:



Skop DKICT MPKlang



PERKAKASAN:

Aset ICT yang digunakan untuk menyokong pemprosesan maklumat dan kemudahan storan (contoh seperti komputer, pelayan, peralatan komunikasi dan sebagainya);

PERISIAN:

Program perisian atau aplikasi yang menyediakan kemudahan pemprosesan maklumat seperti sistem pengoperasian, sistem pangkalan data, aplikasi pejabat, perisian sistem rangkaian dan sebagainya;

PREMIS KOMPUTER DAN KOMUNIKASI:

Semua kemudahan serta lokasi yang digunakan untuk menempatkan aset di atas.

PERKHIDMATAN:

Perkhidmatan atau sistem yang menyokong aset lain seperti perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan keselamatan dan lain-lain lagi;



DATA DAN MAKLUMAT:

Koleksi fakta dalam bentuk kertas atau mesej elektronik;

MANUSIA:

Individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan skop kerja MPK yang mana merupakan aset berdasarkan kepada tugas dan fungsi yang dilaksanakan;

Sumber: Dasar Keselamatan ICT Majlis Perbandaran Klang , 2016

Dasar ICT MPK telah disediakan secara komprehensif dan sudah boleh digunakan sebagai batu loncatan untuk penambahbaikan sistem perancangan di MPK. Diantara aspek yang boleh dinaiktaraf dalam perancangan bandar dan desa MPK dan sistem boleh dibangunkan termasuk:

- 1 Bank Data perancangan berasaskan GIS yang sentiasa dikemaskini dan mudah akses; Sistem pemantauan pelaksanaan RTMPK *online*;
- 2 Sistem pemantauan Kebenaran Merancang *online* dan disepadukan dengan sistem pemantauan RTMPK; dan
- 3 Sistem pemantauan pelaksanaan cadangan projek / program RTMPK yang diintegrasikan dalam Development Project Management System (DPMS).

5.2.2 DEVELOPMENT PROJECT MONITORING SYSTEM (DPMS)

Cadangan menaiktaraf *Document Processing Management System* (DPMS) yang telah diluluskan oleh MPK pada pertengahan tahun 2018 merupakan satu penambahbaikan yang sangat kritikal ke arah pembentukan sistem pemantauan pelaksanaan projek dan program atas talian (*online*) yang dicadangkan dalam RTMPK 2035 (Penggantian) dan pelaksanaan RT melalui projek-projek yang diluluskan Kebenaran Merancang melalui Pengawalan Perancangan.

DPMS yang dinaikkan taraf ini merupakan sistem yang akan mampu memantau projek dan program di MPK secara komprehensif, yang akan dikenali sebagai *Development Project Management System* (DPMS). Penaiktarafan ini masih di peringkat awal dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat MPK. Jika dirancang dan dibangunkan secara komprehensif dan bersepadu, dijangka DPMS yang komprehensif ini dapat dilaksanakan menjelang 2020.

Fungsi DPMS semasa

DPMS 1.0 dibangunkan pada 2007 dan berfungsi merekodkan semua fail permohonan pembangunan dan membolehkan jabatan menyediakan kertas kerja, mengesan pergerakan fail, mengesan tindakan jabatan dan menyimpan fail secara digital..

- Jabatan terlibat:
- ☐ Jabatan Bangunan
 - ☐ Jabatan Pusat Setempat (OSC)
 - ☐ Jabatan Kejuruteraan
 - ☐ Jabatan Taman dan Rekreasi

DEVELOPMENT PROJECT MANAGEMENT SYSTEM (DPMS)





Penaiktarafan DPMS 2018

- 1 DPMS terkini dinaiktaraf daripada *Document Processing Monitoring System* kepada *Development Project Management System*;
- 2 DPMS dinaiktaraf daripada *a client base system* kepada sistem aplikasi berasaskan web (*Web based*) dan mengintegrasikan GIS di JPBD.MPK;
- 3 DPMS 2018 merupakan pembangunan sistem peringkat pertama yang melibatkan Jabatan Bangunan dan Jabatan Pusat Setempat (OSC) untuk memastikan sistem dapat diperluaskan ke jabatan teknikal lain selepas penaiktarafan;
- 4 Dijangka berupaya memenuhi keperluan yang disenaraikan seperti berikut:
- 5 DPMS dijadikan sebagai medium rujukan bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan projek di peringkat MPK;
- 6 Merupakan salah satu sistem ke arah pengurangan penggunaan kertas dan adaptasi teknologi dalam urusan seharian;
- 7 Setelah pengintegrasian bersama pangkalan data dan GIS di JPBD dan MPK dilakukan, DPMS seterusnya akan menaikkan tahap pencapaian KPI di peringkat MPK; dan
- 8 DPMS akan dinaiktaraf sepenuhnya daripada *Document Processing Monitoring System* kepada *Development Project Monitoring System*.



Sistem yang lebih mesra pengguna dan mudah dicapai melalui web sama ada di mana-mana peranti atau telefon pintar;



Keupayaan pengintegrasian dengan sistem-sistem yang lain;



Laporan-laporan lebih mudah untuk dijana mengikut keperluan semasa;



Berupaya berintegrasi dengan *google map*; dan



Capaian sistem yang lebih stabil.

Rasional DPMS 2018

Pelaksanaan dan pengemaskinian DPMS terdiri daripada beberapa fasa dan status semasa pelaksanaan DPMS yang dinaiktaraf (*web based*) berada di Fasa 1. Fasa 1 merupakan fasa percubaan (*trial run*) yang dilakukan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan melibatkan beberapa jabatan, antaranya:

- ☐ Unit Pusat Setempat (OSC); dan
- ☐ Jabatan Bangunan

FASA 1

Penerimaan permohonan KM melalui OSC

Memudahkan proses lawatan tapak dapat dijalankan

Maklumat dapat dimuatnaik ke dalam sistem dan sistem tersebut dapat manjana laporan berdasarkan input yang telah dimuatnaik.

Percubaan bagi fasa ini telah dijalankan beberapa kali dan pelaksanaan percubaan dilakukan sekali lagi pada bulan Ogos 2018 dan disahkan boleh beroperasi pada bulan September 2018. DPMS semasa dapat dilaksanakan secara keseluruhan pada tahun 2019. Penaiktarafan kepada DPMS 2.0 akan melibatkan semua jabatan dalam dan luar MPK yang terlibat dengan pelaksanaan projek / program RTMPK 2035 (Penggantian). Penaiktarafan ini, jika mendapat kelulusan kewangan yang mencukupi, boleh dimulakan pada tahun 2020. Pelaksanaannya boleh dibuat secara *incremental* dalam jangka masa lima tahun. Namun kajian terperinci diperlukan pada tahun 2019.

5.3 TANGGUNGJAWAB PERANCANGAN BANDAR & DESA DI MPK

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa MPK (JPBD.MPK) bertanggungjawab terhadap perkhidmatan perancangan (Perancangan Strategik dan Pengawasan Perancangan). Namun bagi menjalankan fungsi MPK sebagai PBPT yang efisien, JPBD. MPK mempunyai hubungan kerja secara langsung dengan sebelas (11) buah jabatan dalam menjalankan fungsi utamanya dan dengan empat (4) buah jabatan secara tidak langsung dalam menjalankan fungsinya. Bidang Perancangan Strategik ialah yang berkaitan dengan penyediaan RTMPK di bawah Bahagian III Akta 172. Bidang Pengawasan Perancangan ialah yang berkaitan dengan bidang Pengawasan Perancangan di bawah Bahagian iV Akta 172. Senarai jabatan di MPK serta hubungan dengan JPBD. MPK terdapat dalam **Jadual B1-1**.

Jadual B1-1: Hubungan Jabatan di MPK dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa MPK

BIL.	JABATAN MPK	BIDANG PERANCANGAN	HUBUNGAN DENGAN JABATAN PERANCANG BANDAR & DESA	
			LANSUNG	TIDAK LANSUNG
1.	JABATAN UNDANG-UNDANG	Penguatkuasaan Akta 172	/	
2.	JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT	Publisiti Perancangan		/
3.	JABATAN PUSAT SETEMPAT	Pengawasan Perancangan	/	
4.	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	Pengurusan Tenaga Kerja	/	
5.	JABATAN KEWANGAN	Pengurusan Kewangan	/	
6.	JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	Perancangan Strategik	/	
7.	JABATAN KEJURUTERAAN	Perancangan Strategik & Pengawasan Perancangan	/	
8.	JABATAN BANGUNAN	Pengawasan Perancangan	/	
9.	JABATAN TAMAN & REKREASI	Perancangan Landskap	/	
10.	JABATAN PESURUHJAYA KEMASYARAKATAN	Hubungan Masyarakat	/	
11.	JABATAN PENGUATKUASA	Penguatkuasaan Akta 172	/	
12.	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	Sistem Maklumat dan Pemantauan	/	
13.	JABATAN PERLESENAN & PENJAJA	Guna Tanah & Perancangan Tapak		/
14.	JABATAN KESIHATAN	Guna Tanah & Perancangan Tapak		/
15.	JABATAN PERKHIDMATAN PERSEKITARAN	Guna Tanah & Perancangan Tapak		/



5.4 TENAGA KERJA

Keupayaan institusi perancangan menjalankan tugasnya secara efisien dan berkesan bergantung kepada tahap produktiviti tenaga kerja. Jumlah perancang bandar profesional boleh juga digunakan sebagai indikator keupayaan agensi tersebut. Perbandingan antara jumlah perancang bandar profesional di JPBD dan MPK bersama jabatan

perancangan di beberapa PBPT di Malaysia (**Jadual B1-2**) menunjukkan kekurangan yang terdapat di MPK. Ketidacukupan ini telah disahkan dalam Program Kolaborasi 1.0, MPK. **Jadual B1-2** menunjukkan perbandingan jumlah yang terdapat di MPK dan yang terdapat di DBKL, MBSA, MPSJ dan MBPJ.

Jadual B1-2: Perbandingan Keupayaan Institusi Antara MPK Dengan DBKL, MBSA, MBSJ dan MBPJ dalam Pengurusan Perancangan Bandar Semasa.

BUTIRAN PERBANDINGAN INSTITUSI	JABATAN PERANCANG BANDAR DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)	JABATAN PERANCANG BANDAR MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)	JABATAN PERANCANG BANDAR MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)	JABATAN PERANCANG BANDAR MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)	JABATAN PERANCANG BANDAR MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)
JUMLAH PERANCANG PROFESIONAL	45	7	9	9	7
JUMLAH PENDUDUK (TAHUN)	1,700,000 (2016)	650,000 (2015)	642,100 (2015)	732,667 (2017)	891,200 (2017)
NISBAH SEORANG PEGAWAI PERANCANG PROFESIONAL : JUMLAH PENDUDUK	1:37,777	1:92,857	1:71,344	1: 81,407	1:127,314
KEPERLUAN SEMASA PERANCANG PROFESIONAL JIKA BERASASKAN NISBAH UNITED KINGDOM (1:30,000)	57 (Tambahan 12)	22 (Tambahan 15)	21 (Tambahan 12)	24 (Tambahan 15)	30 (Tambahan 23)

Sumber: Laporan Analisis Strategi Pembangunan RTMPK 2035 (Penggantian)

Perbandingan antara nisbah pegawai perancang dengan jumlah penduduk menunjukkan ketidakseimbangan dalam peruntukan pegawai perancang di semua PBPT yang digunakan sebagai perbandingan, namun perbezaan bagi MPK jauh berbeza dan menunjukkan keadaan yang terlalu rendah. Jika dikira keperluan pegawai perancang dengan menggunakan nisbah yang digunakan di United Kingdom, jumlah yang diperlukan, secara ideal, ialah 30 orang, iaitu tambahan sejumlah 23 orang (keperluan semasa). Pihak yang bertanggungjawab terhadap perancangan dan penyediaan tenaga kerja, samada dalam MPK, atau pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, PLANMalaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam perlu melihat aspek ini sewajarnya, demi peningkatan perkhidmatan perancangan bandar di MPK. Satu kajian yang lebih terperinci mengenai perkara ini perlu dijalankan segera.

5.5 SUMBER KEWANGAN

Pelaksanaan RTMPK ialah melalui pelaksanaan cadangan projek / program secara sistematik dan diikuti dengan pemantauan, penilaian dan kajian semula setiap lima tahun. Cadangan guna tanah mengikut *zoning* dilaksanakan melalui pengawalan perancangan, khususnya melalui Kebenaran Merancang (KM) yang diluluskan oleh MPK kepada pemaju awam dan swasta.

Pelaksanaan RT yang efisien akan membawa kepada peningkatan hasil kepada MPK, tetapi juga memerlukan sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan projek dan program yang dicadangkan. Pelaksanaan RTMPK memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi, samada daripada sumber kewangan MPK sendiri atau daripada kerajaan negeri, mahu pun kerajaan persekutuan, atau daripada melalui pembiayaan pihak swasta.

5.5.1 SUMBER KEWANGAN DAN PENDAPATAN

Jadual B1-3 menunjukkan hasil pendapatan, perbelanjaan dan lebihan / defisit bagi MPK dari tahun 2011 sehingga 2017.


Jadual tersebut menerangkan beberapa perkara utama bagi aspek kewangan MPK seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah B1-3** di bawah:

□ Peningkatan jumlah pendapatan sebanyak 18.78%, tidak termasuk tahun 2014 yang mengalami penurunan sebanyak 0.5%, namun begitu jumlah pendapatan terus meningkat sehingga tahun 2017 dan dijangka meningkat pada tahun 2018 dan akan datang, iaitu satu petanda yang baik.

Jadual B1-3: Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan MPK (2011 – 2017)

TAHUN	 PENDAPATAN (RM)	 PERBELANJAAN (RM)	 LEBIHAN / DEFISIT (RM)
2011	203,553,682	200,022,740	3,530,942
2012	218,786,048	222,157,380	-3,371,332
2013	236,089,183	233,881,291	2,207,892
2014	234,784,244	197,934,321	36,849,923
2015	234,801,930	182,777,679	52,024,251
2016	239,810,141	202,721,152	37,088,989
2017	245,448,671	223,145,456	22,303,215

Sumber: Laporan Tahunan MPK 2014, 2016 dan Jabatan Kewangan MPK 2018



Rajah B1-3: Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan MPK (2011 – 2017)

Sumber: Laporan Tahunan MPK 2014, 2016 dan Jabatan Kewangan MPK 2018



- ❑ Perbelanjaan MPK sentiasa mempunyai surplus / lebihan kecuali bagi tahun 2012 yang mengalami defisit sebanyak RM3 juta.
- ❑ Terdapat purata peratus perbelanjaan MPK sebanyak 91% dari tahun 2011 sehingga 2017.

Jadual B1-4: Analisis Maklumat Kewangan MPK 2011 – 2017

TAHUN	PERATUS PENINGKATAN HASIL PENDAPATAN		PERATUS PERBELANJAAN DARIPADA JUMLAH PENDAPATAN TAHUNAN (%)
	PERBEZAAN JUMLAH PENDAPATAN (+/-) RM	PERATUS (%)	
2011	*0	*0	98%
2012	15,232,366	7.48	102%
2013	17,303,135	7.91	99%
2014	-1,304,939	-0.55	84%
2015	17,686	0.01	78%
2016	5,008,211	2.13	85%
2017	5,638,530	2.35	91%
JUMLAH	41,894,989	19.33	-

**Nota: tiada jumlah peningkatan pendapatan bagi tahun 2011 kerana tiada data asas bagi tahun 2010*

Sumber: Laporan Tahunan MPK 2014, 2016 dan Jabatan Kewangan MPK 2018

- ❑ Dengan kepesatan pembangunan di Klang yang dijangka berlaku pada masa datang, dijangka penambahan jumlah kelulusan KM oleh MPK di masa depan akan meningkatkan hasil cukai dan bukan cukai MPK. Namun demikian, pelaksanaan projek / program RT, terutama di peringkat awal, memerlukan peruntukan yang mencukupi. Di antara sumber yang diharapkan ialah (1) MPK sendiri, (2) Kerajaan Selangor (3) Kerajaan Persekutuan, (3) Agensi kerajaan, dan (4) Agensi Swasta.
- ❑ Selain itu, terdapat beberapa langkah yang wajar diambil oleh MPK untuk menjana pendapatan di peringkat PBT. Antaranya adalah seperti berikut:
 - i. Mengutip cukai-cukai yang tertunggak;
 - ii. Mengenakan denda kepada pemaju yang tidak mematuhi syarat kelulusan yang telah dikeluarkan;
 - iii. Mewujudkan lokasi bagi aktiviti trak makanan (food truck) yang membolehkan MPK mengenakan caj bayaran kepada peniaga;
 - iv. Menggalakkan penganjuran aktiviti taklimat informasi kepada umum yang membolehkan MPK mengenakan caj kepada penganjur program; dan
 - v. Mengenakan denda kepada kilang yang tidak mematuhi syarat program pemutihan yang dijalankan oleh MPK;



5.5.2 PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI MPK 2015 – 2017

Antara 2015-2017, jumlah pendapatan dan perbelanjaan MPK didapati meningkat. Butiran berikut menunjukkan kedudukan kewangan MPK antara 2015 – 2017. Untuk membiayai projek dan program yang dicadangkan oleh RTMPK 2035 (Pengantian), MPK perlu mencari sumber dari cukai dan bukan cukai, selain sumber dari pihak lain.

Jadual B1-5: Maklumat Pendapatan MPK 2015 – 2017

PENDAPATAN	2015	2016	2017
URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN			
Cukai Taksiran	156,944,835	154,776,806	159,046,941
Carum Bantuan Kadar	1,303,875	1,461,134	1,511,921
Lesen dan Permit	20,283,336	20,405,811	21,598,231
Sewaan Harta Majlis	8,169,342	8,144,625	11,071,752
Denda dan Kompaun	9,541,612	11,926,181	8,941,665
Hutang Ragu Baikpulih	-	134,117	1,009,910
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	5,000,000
Lain-lain Geran	3,653,961	4,358,842	4,331,295
JUMLAH	204,896,961	206,207,516	212,511,715
URUSNIAGA PERTUKARAN			
Terimaan Perkhidmatan	11,735,430	9,792,429	8,126,966
Letak Kereta	6,249,572	6,204,526	6,310,755
Lain-lain Jualan	1,012,965	1,172,841	879,953
Faedah dan Perolehan Pelaburan	5,469,146	8,458,239	10,729,635
Sumbangan dan Terimaan Tempatan	5,191,456	988,833	529,854
JUMLAH	29,658,569	26,616,686	26,577,163
PELBAGAI HASIL			
Keuntungan Atas Jualan Aset	246,400	36,200	69,000
Cagaran Dilucut Hak	-	6,949,557	6,290,793
JUMLAH	246,400	6,985,757	6,359,793
JUMLAH PENDAPATAN	234,801,930	239,810,141	245,448,671

Sumber: Jabatan Kewangan MPK 2018

Jadual B1-6: Maklumat Perbelanjaan MPK 2015 – 2017

PERBELANJAAN	2015	2016	2017
EMOLUMEN			
Gaji dan Upahan	43,293,398	47,015,487	43,436,993
Elaun Tetap	14,260,785	15,821,074	16,700,676
Sumbangan Berkanun	7,081,103	7,487,822	7,920,075



PERBELANJAAN (SAMB.)	2015	2016	2017
EMOLUMEN			
Elaun Lebih Masa	5,067,650	5,876,630	6,411,129
Faedah Kewangan yang Lain	805,771	922,383	841,702
Bayaran Bantuan Kewangan	-	-	10,971,857
JUMLAH	70,508,707	77,123,396	86,282,432
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN			
Tuntutan Perjalanan	401,332	571,699	527,046
Pengangkutan Barang-barang	7,334	503	3,272
Perhubungan dan Utiliti	13,782,110	14,244,865	12,900,120
Sewaan	1,465,836	983,233	998,604
Bahan Mentah dan Alat Ganti	1,604,176	1,360,031	3,186,852
Bekalan Bahan Lain	2,961,580	2,491,941	2,872,918
Penyelenggaraan dan Pembaikan	67,661,545	77,803,816	56,824,026
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	4,997,521	6,338,494	7,847,515
JUMLAH	92,881,434	103,794,582	85,160,353
PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP			
Biasiswa dan Bantuan Pelajaran	1,700	3,800	1,900
Pemberian Dalam Negeri	110,600	404,702	281,063
Tuntutan Insuran dan Pampasan	5,000	5,000	-
Faedah Pinjaman Bank	665,717	-	-
Ganjaran	328,427	232,416	199,448
JUMLAH	1,111,444	645,918	482,411
PERBELANJAAN LAIN			
Pulangbalik dan Hapuskira	28,191	555,644	562,134
Bayaran-bayaran Lain	5,296,842	5,679,185	4,384,927
Elaun Rosot Nilai	-	1,464,987	197,753
Peruntukan Hutang Lapuk	3,024,300		
JUMLAH	8,349,333	7,699,816	5,144,814
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Dibeli	-	623,984	31,724,106
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	-	-	97,482
Aset Tidak Dipermodalkan	-	2,817,214	2,239,143
Bayaran-bayaran Lain	-	-	2,077,071
Infrastruktur, Bangunan dan Rekreasi & Pengindahan	858,084	-	-
JUMLAH	858,084	3,441,198	36,137,802
Susut Nilai	9,068,677	10,016,242	9,937,644
JUMLAH PERBELANJAAN	182,777,679	202,721,152	223,145,456

Sumber: Jabatan Kewangan MPK, 2018



DEWAN HAMZAH MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Dewan serbaguna yang diubahsuai bercirikan dewan banquet ini baru sahaja siap diubahsuai pada Jun 2018. Ia dilengkapi dengan kemudahan peralatan yang mencukupi serta mengenakan kadar sewaan yang berpatutan. Ia merupakan antara salah satu sumber pendapatan bagi Majlis Perbandaran Klang.



RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN

KLANG 2035

(PENGANTIAN)





DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF





10.0 DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF

KETERANGAN ISU

ISU
PPL 1

Pengkhususan tugas yang kurang mantap dan pengurusan yang kurang cekap

ISU
PPL 2

Pelaksanaan perancangan yang kurang tersusun

ISU
PPL 3

Pelaksanaan Agenda Kemampanan MPK yang tidak menyeluruh

ISU
PPL 4

Kurang penglibatan pihak swasta dan penduduk dalam perancangan pembangunan

ISU
PPL 5

Maklumat tidak dapat disalurkan secara menyeluruh kepada penduduk Klang

ISU
PPL 6

Sistem kawalan dan pelaksanaan perancangan pembangunan yang kurang mantap

SUB-STRATEGI DAN CADANGAN

SUB-STRATEGI 10.1

**MENINGKATKAN
TAHAP KEUPAYAAN
DAN KECEKAPAN
BADAN
PENGURUSAN DAN
PELAKSANAAN MPK**

10.1A

Penubuhan dan Pelaksanaan Jawatankuasa Pelaksanaan RTMPK

10.1B

Pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian) Secara Bersepadu

10.1C

Pemantauan Kemampanan (MURNInets)

10.1D

Penaiktarafan Klang Sebagai Bandaraya Yang Cekap dan Berkesan

10.1E

Pelaksanaan Agenda Kemampanan MPK Sepenuhnya

10.1F

Pemantapan dan Pengukuhan Nilai Integriti Dalam Budaya Kerja Serta Produktiviti Warga MPK

10.1G

Pengukuhan Keupayaan Tenaga Kerja dan Tenaga Kewangan Jabatan Perancangan MPK

10.1H

Memperkasakan Peranan Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran Terhadap Pelaksanaan RT

SUB-STRATEGI 10.2

**MENGALAKKAN
PENGLIBATAN
AGENSI
BERKEPENTINGAN
DALAM
PERANCANGAN
PEMBANGUNAN
MPK**

10.2A

Pengukuhan Program R&D dan Kajian Inovasi

10.2B

Peningkatan Keterlibatan Komuniti dan Lain Pihak Berkepentingan

SUB-STRATEGI 10.3

**MENINGKATKAN
AKSES PENCAPAIAN
ORANG AWAM
TERHADAP DATA
DAN MAKLUMAT
BERKAITAN
PERANCANGAN
PEMBANGUNAN
MPK**

10.3A

Pelaksanaan Sepenuhnya DPMS (*Development Project Management System*)

10.3B

Pemprosesan Cadangan Pemajuan Secara Dalam Talian Sepenuhnya Menjelang 2020



6.0 DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF

Bahagian ini adalah merupakan kesinambungan dari Jilid 1 bahagian IV yang akan menerangkan mengenai cadangan khusus bagi Dimensi Governans Efektif.

Pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian) perlukan mekanisma pelaksanaan yang efisien dan selaras dengan governans baik dan mampan, yang mengamalkan kaedah pemantauan, penilaian dan kajian semula sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun, inklusif, berketerlibatan pihak berkepentingan dan mempunyai sumber kewangan serta tenaga kerja yang cekap dan mencukupi, demi menjamin kemampanan ekonomi, sosial, alam sekitar dan budaya bagi keseluruhan kawasan MPK.

Di peringkat awal, untuk memberansangkan dan menggalakkan pemajuan, MPK perlu melaksanakan projek dan program yang dicadangkan dalam RT, yang akan meningkatkan kualiti perancangan dan pelaksanaan dalam penyediaan infrastruktur, utiliti, kemudahan awam, kecantikan dan landskap MPK dan pelbagai. Pelaksanaan projek / program memerlukan mekanisma yang tersusun rapi.

Pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian) juga ialah melalui proses pengawalan perancangan iaitu melalui syarat-syarat dan peraturan yang dikenakan dalam kelulusan Kebenaran Merancang (KM) oleh MPK. Namun ini bergantung kepada keadaan ekonomi yang memberi galakan kepada pemaju dan pelabur, atau sebaliknya.

PELAKSANAAN RTMPK 2035



CADANGAN 10.1A

PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PELAKSANAAN RTMPK

A FUNGSI JAWATANKUASA PELAKSANAAN RTMPK

Pemantauan prestasi pelaksanaan cadangan projek / program perlu dijalankan oleh jawatankuasa yang arif mengenai piawaian dan langkah-langkah pelaksanaan sesuatu projek / program bagi mengurangkan isu ketidakpatuhan terhadap syarat lulus yang telah dikeluarkan oleh MPK.




CADANGAN
10.1B

PELAKSANAAN RTMPK 2035 (PENGgantian) SECARA BERSEPADU

Pelaksanaan cadangan RT perlu memberi penekanan terhadap pembinaan keupayaan warga Klang dan institusi yang terlibat dalam melaksanakan pembangunan mampan yang berteraskan enam (6) Dimensi Pembangunan RT.

Pelaksanaan sesuatu dimensi perlu **dilaksanakan secara bersepadu** dan ia perlu mengambilkira impak terhadap dimensi pembangunan yang lain. Selain itu, pelaksanaan cadangan RT juga perlu mengambilkira aspek dan prinsip dimensi pembangunan. Sebagai contoh, pembangunan fizikal di Klang wajar mengambilkira impaknya terhadap sosial, alam sekitar, ekonomi, penyediaan infrastruktur dan governans.



Pelaksanaan secara bersepadu juga disarankan dalam penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) juga dikenali sebagai 'Action Area Plan' dengan menerapkan dimensi pembangunan yang dirangka dalam penyediaan RTMPK 2035 (Penggantian). Antara kawasan yang telah dikenalpasti bagi penyediaan RKK ialah:

- A RKK Selangor Maritime Gateway**
Melibatkan pengolahan khas dan terperinci mengenai pembangunan yang akan dibangunkan serta aspek-aspek yang perlu diambilkira dalam pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.
- B RKK Kampung Tradisi**
Melibatkan pengolahan khas dan terperinci mengenai pemuliharaan dan pemeliharaan keaslian konsep petempatan perkampungan melayu termasuk konsep ciri-ciri, reka bentuk dan corak pembangunan yang diketengahkan.
- C RKK Pembangunan Pusat Bandar**
Kajian terperinci mengenai pembangunan pusat bandar secara lansung dapat menaikkan imej Klang sebagai:
 - Zon Kluster Industri yang berdaya saing;
 - Zon Aktiviti Pelancongan yang Menarik; dan
 - Zon Peningkatan Aktiviti Ekonomi yang Berdaya Maju



PEMANTAUAN KEMAMPAHAN (MURNInets)

MURNINets merupakan satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampuan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan penunjuk bandar. Ia melibatkan 11 sektor utama yang merangkumi 56 penunjuk kemampuan bandar.



Jadual B1-7 menunjukkan status kemampuan bagi Bandar Klang bagi tahun 2012 sehingga 2015. Didapati peningkatan pencapaian status kemampuan bagi Bandar Klang sehingga tahun 2014 dan mengalami penurunan sebanyak 4% bagi tahun 2015.

Justeru itu, langkah pemantauan kemampuan MURNINets bagi kawasan RT khususnya wajar dikukuhkan bagi mengekalkan dan menaikkan status kemampuan.

Jadual B1-7: Pencapaian Kemampuan Klang (Perbandaran)

TAHUN	INDEKS KEMAMPAHAN (%)	STATUS KEMAMPAHAN
2012	88%	Mampan
2013	90%	Mampan
2014	96%	Mampan
2015	92%	Mampan

Sumber: Laman Web Rasmi MURNINets 2018
(<http://murninet.townplan.gov.my/>)



PENAIKTARAFAN KLANG SEBAGAI BANDARAYA YANG CEKAP DAN BERKESAN

MPK akan menjadi sebuah bandaraya yang cekap dan berkesan dengan pelaksanaan prinsip govenans baik seperti yang disarankan oleh *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (ESCAP) 2010, menjelang 2035.



Pengurusan dan pelaksanaan perancangan oleh MPK serta kaedah pelaksanaan cadangan projek dan program RTMPK 2035 (Pengantian) juga akan disokong dan berasaskan Agenda 10 ICLEI, yang mana MPK akan menjadi ahli.



A SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB – PBT) adalah bertujuan untuk menilai tahap pencapaian penyampaian perkhidmatan PBT dan mengukur kedudukan setiap PBT dengan memberi tahap (*ranking*) yang bersesuaian berdasarkan kriteria tertentu bagi menggalakkan nilai daya saing. **Majlis Perbandaran Klang antara dua belas (12) PBT yang menerima penarafan lima bintang daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tahun 2017.** Penarafan ini juga bertindak sebagai rujukan bagi PBT mengenalpasti penambahbaikan yang wajar dilakukan dan membantu PBT bagi memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi tersebut.

Jadual B1-8: Keputusan SPB-PBT Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan Bagi Tahun 2013

KPI	STATUS SEMASA	SASARAN	AGENSI
PBT MENCAPAI TARAF 4 BINTANG DAN KE ATAS	37% (37 daripada 100 PBT)	90%	EPU
PERATUS PENINGKATAN TARAF BINTANG PBT	30% (30 daripada 100 PBT)	70%	KPKT

Sumber: Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan oleh KPKT
(<http://www.mampu.gov.my>)





B KRITERIA BARU NAIK TARAF Pihak Berkuasa Tempatan(PBT)

Jadual B1-9 menunjukkan kriteria dan pencapaian MPK ke arah menjadi sebuah Majlis Bandaraya di Selangor. Terdapat 2 kriteria yang memerlukan penambahbaikan dan membolehkan MPK diiktiraf menjadi Majlis Bandaraya.

Jadual B1-9: Kriteria Bagi Dewan / Majlis Bandaraya

KRITERIA	STATUS SEMASA MPK	CATATAN
PBT itu harus meliputi kawasan pusat pentadbiran sesebuah negeri		Kawasan pentadbiran MPK telah meliputi sebahagian Daerah Klang pada tahun 2005
Mempunyai penduduk tidak kurang dari 500,000 orang		Jumlah populasi Klang semasa melebihi 891,200
Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan mampan (<i>fiscally sustainable</i>) dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta serta mampu mengimbangkan perbelanjaan.		Pendapatan daripada RM234 juta sehingga RM245 juta dari tahun 2015 hingga 2017
Berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang tinggi termasuklah aktiviti kutipan hasil, kelulusan pemajuan pembangunan, penguatkuasaan dan lain-lain fungsi PBT serta mempunyai struktur organisasi yang mantap serta kakitangan yang berkebolehan menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.		Perkhidmatan perbandaran telah disediakan oleh MPK merangkumi aktiviti kutipan cukai, kelulusan pemajuan pembangunan dan MPK mempunyai organisasi yang mantap berupaya menjadi sebuah Majlis Bandaraya
Pembangunan bandar yang menekankan kepada pembangunan mampan (<i>sustainable development</i>) serta memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setinggan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar. Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam Sistem <i>Malaysia Urban Indicator Network</i> (MURNInet) juga akan diambil kira.		MPK secara proaktif menangani isu perbandaran seperti program pemutihan kilang haram, pembangunan perumahan yang memenuhi syarat penyediaan RSKU. Pengawasan pembangunan yang selari dengan keperluan pembangunan mampan.
Pembentukan imej bandar ataupun identiti yang bersesuaian dengan fungsi bandar dan budaya nasional yang melambangkan sejarah dan warisan. Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan senibina yang unik serta perlu dipelihara.		Pengekalan dan pemuliharaan bangunan bersejarah di kawasan pusat bandar dan luar bandar diperkasakan dan dimantapkan.
Mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan dan kemudahan menjalankan perniagaan dan perdagangan bagi menarik kemasukan pelabur. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan perhotelan bagi menggalakkan kegiatan pelancongan dan urusan perniagaan. Tumpuan diberikan kepada kepesatan sektor perkhidmatan serta pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berorientasikan pengetahuan.		Pusat / kawasan perindustrian yang terdapat di kawasan MPK terletak di: Meru, Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Telok Gong Institusi kewangan dan servis perkhidmatan industri yang kukuh.
Mempunyai pusat institusi pendidikan yang lengkap dengan universiti, kolej, maktab, muzium dan perpustakaan awam.		Klang tidak mempunyai universiti awam / swasta. Penyediaan kemudahan pendidikan yang mencukupi.



● ● ● Sambungan

Pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara-acara sukan dan riadah konvensyen di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.		Setakat ini MPK dijemput untuk turut serta menjayakan program / acara di peringkat negeri dan kebangsaan.
Mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam yang mencukupi termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada Orang Kelainan Upaya (OKU). Ini termasuklah kemudahan-kemudahan pengangkutan awam, sistem pengurusan lalulintas dan rangkaian jalan raya yang cekap serta perkhidmatan ICT.		Penyediaan kemudahan infrastruktur yang lengkap merangkumi penyediaan kemudahan masyarakat, utiliti dan bekalan elektrik, pembangunan bandar rendah karbon, taman-taman rakyat (Taman Bandar Diraja Klang, Taman Rakyat) dan penyediaan jaringan kemudahan awam yang sentiasa ditambah baik.
Mendapat pengiktirafan tertentu sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa dalam bidang-bidang tertentu sejajar dengan taraf sebagai sebuah bandar raya.		Pelabuhan ke-11 tersibuk di dunia (<i>World Shipping Council, 2018</i>) Penarafan PBT lima bintang oleh KPKT 2016

Sumber: DRT MPK 2035 (Penggantian)

MPK telah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kementerian hampir kesemua bidang, tetapi 'perkhidmatan yang baik' dan 'menangani aduan awam' tetap menjadi cabaran yang berterusan. Antara isu yang diketengahkan oleh penduduk adalah banjir kilat dan pelupusan sampah dari kawasan banjir. Selain itu, Klang mempunyai skim perumahan dan bandar baru dengan lebuh raya baru yang sedang dibangunkan. Bandar Botanic, Bandar Bukit Tinggi, Taman Bayu Perdana, Glenmarie Cove, Bandar Bukit Raja dan Aman Perdana merupakan antara bandar baru di Klang. Menjelang 2035, MPK berupaya menjadi sebuah majlis bandaraya yang cekap dan berdaya saing seiring dengan pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial.



CADANGAN
10.1E

PELAKSANAAN AGENDA KEMAMPAHAN MPK SEPENUHNYA

- (A)** Pelaksanaan pembangunan mampan secara keseluruhan oleh MPK melalui pelaksanaan 10 Agenda Kemampanan yang disarankan oleh *International Council for Local Governments (ICLEI)* yang bertemakan *Local Governments for Sustainability*.
- (B)** Dengan menjadi anggota ICLEI, MPK / Bandaraya Klang akan mendapat faedah pengalaman daripada ahli-ahli lain dari seluruh dunia yang telah terdapat dalam pelaksanaan pembangunan mampan dalam agenda perancangan dan pembangunan mereka.

ICLEI

Local Governments for Sustainability

CADANGAN
10.1F

PEMANTAPAN DAN PENGUKUHAN NILAI INTEGRITI DALAM BUDAYA KERJA SERTA PRODUKTIVITI WARGA MPK

- (A)** Meningkatkan kecekapan serta produktiviti perkhidmatan melalui pelaksanaan nilai-nilai murni seperti yang terdapat dalam Pelan Strategik MPK 2016-2026 dan susulannya;
- (B)** Mempelbagaikan dan mengukuhkan tahap integriti dalam kalangan MPK melalui program seperti taklimat, seminar dan edaran risalah;
- (C)** Program integriti yang berkesan bagi memastikan ketelusan dalam perkhidmatan perancangan, khususnya dalam kaedah memproses permohonan Kebenaran Merancang (KM);
- (D)** Pemantauan secara berkala dan pemberian pengiktirafan terhadap prestasi kerja warga MPK;
- (E)** Pelaksanaan program bagi meningkatkan semangat kerja berpasukan dan kerjasama antara jabatan (warga MPK).

Pemantapan dan pengukuhan nilai integriti dalam kalangan warga MPK dapat dilaksanakan melalui langkah-langkah berikut:

Amalan 8S MPK:

- ☐ Salam
- ☐ Sayang
- ☐ Segak
- ☐ Segera
- ☐ Sempurna
- ☐ Sensitif
- ☐ Senyum
- ☐ Sopan

Sumber: Manual Kod Etika Kerja
Dan Nilai – Nilai Bersama MPK

Warga MPK perlu **mewujudkan 'mind-set' yang berteraskan kecemerlangan** supaya warga kerja lebih komited dan sejajar dengan matlamat dan fungsi utama jabatan

Warga MPK disarankan untuk menghayati serta **mempraktikkan amalan-amalan pengurusan** yang boleh meningkatkan kecemerlangan organisasi / jabatan

Menerapkan **amalan 8S** ke dalam setiap warga MPK dalam menjalankan tugas.

**BUDAYA KERJA
BERKUALITI**

Memastikan **skop kerja setiap jabatan sentiasa selari** dengan objektif dan strategi MPK

Memberi **komitmen dan kerjasama** daripada segala lapisan warga kerja / jabatan bagi meningkatkan kecemerlangan dan produktiviti

Memastikan **pelanggan / komuniti sentiasa mendapat perkhidmatan dan layanan yang sempurna** dari MPK



PENGUKUHAN KEUPAYAAN TENAGA KERJA DAN TENAGA KEWANGAN JABATAN PERANCANGAN MPK

Jabatan Perancangan MPK berupaya menjadi jabatan perancangan peringkat PBPT yang cekap dan berkesan, sekurang-kurangnya setaraf dengan Majlis Bandaraya di Malaysia, jika ia mempunyai jumlah pegawai perancang bandar yang setaraf. Bagi jangka masa panjang, jumlahnya perlu mengikut piawaian yang digunakan oleh PBPT di negara maju.

Dengan jumlah pegawai perancang bandar serta pegawai sokongan yang mencukupi dan profesyen lain seperti jurutera dan arkitek yang mencukupi, MPK akan berupaya melaksanakan fungsi PBPT yang cekap, efisien dan berkesan.

Pengukuhan keupayaan tenaga kerja dan tenaga kewangan Jabatan Perancangan MPK dan jabatan / unit yang berkaitan supaya setaraf dengan Jabatan Perancangan yang terdapat di PBPT yang lebih maju dan bertaraf Majlis Bandaraya dalam negara dalam masa terdekat, dan seperti negara maju menjelang 2035.

Jadual B1-9: Perbandingan Keupayaan Institusi antara MPK dengan DBKL, MBSA, MBSJ, dan MBPJ dalam Pengurusan Perancangan Semasa

BUTIRAN PERBANDINGAN INSTITUSI	JABATAN PERANCANG BANDAR DBKL	JABATAN PERANCANG BANDAR MBSA	JABATAN PERANCANG BANDAR MPSJ	JABATAN PERANCANG BANDAR MBPJ	JABATAN PERANCANG BANDAR MPK
JUMLAH PERANCANG PROFESIONAL	45	7	9	9	7
JUMLAH PENDUDUK (TAHUN)	1,700,000 (2016)	650,000 (2015)	642,100 (2015)	732,667 (2017)	891,200 (2017)
NISBAH SEORANG PEGAWAI PERANCANG PROFESIONAL : JUMLAH PENDUDUK	1:37,777	1:92,857	1:71,344	1: 81,407	1:127,314
KEPERLUAN SEMASA PERANCANG PROFESIONAL JIKA BERASASKAN NISBAH UK (1:30,000)	57 (Tambahan 12)	22 (Tambahan 15)	21 (Tambahan 12)	24 (Tambahan 15)	30 (Tambahan 23)

Nota: Jumlah pegawai yang dikira di atas adalah daripada gred J41 ke atas.

Sumber: Portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2017
Portal Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 2017
Portal Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2017

Portal Majlis Perbandaran Klang (MPK) 2017
Portal Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2017

Jadual B1-10 menunjukkan perbandingan jumlah perancang profesional di antara PBT utama di Negeri Selangor. Perbandingan jumlah pegawai berdasarkan nisbah seorang pegawai perancang profesional berdasarkan jumlah penduduk. Didapati MPK perlu pertambahan 23 pegawai bagi memastikan kelangsungan pengurusan dan pelaksanaan tugas dijalankan.




CADANGAN
10.1H

MEMPERKASAKAN PERANAN JABATAN TEKNIKAL DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PELAKSANAAN RT

Pelaksanaan projek dan program RTMPK 2035 (Penggantian) akan dapat dijalankan dengan sebaiknya melalui kerjasama antara jabatan dalam MPK dan sumbangan agensi swasta. Justeru itu, setiap jabatan perlu memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat RT menjelang 2035.

Adaptasi fungsi dan peranan pihak MPK, masyarakat dan swasta seperti mana yang telah ditekankan dalam LA21 MPK.



PERANAN UTAMA JABATAN DALAM PELAKSANAAN RTMPK 2035 (PENGANTIAN)

- ❑ Jawatankuasa pelaksanaan RT mengkaji semula secara keseluruhan kaedah tatacara kerja setiap jabatan, perundangan, pelaksanaan dan penguatkuasaan RT, supaya lebih efisien
- ❑ Pengukuhan peranan agensi swasta / teknikal luaran dalam pelaksanaan projek / program RT
- ❑ Menjadikan RT sebagai dokumen utama dalam memberi kelulusan projek / program pembangunan.

CADANGAN
10.2A

PENGUKUHAN PROGRAM R&D DAN KAJIAN INOVASI

Galakan perlu diberi terhadap penglibatan dan kerjasama MPK dengan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, swasta (Lembaga Pelabuhan Klang), PLANMalaysia dan pihak universiti untuk menjalankan kajian pembangunan (R&D) bagi menambahbaik tahap pengurusan dan pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian).

Inisiatif ini akan dapat membantu MPK mengenalpasti idea-idea yang inovatif ke arah pemantapan dan pembaharuan pembangunan di peringkat tempatan.



Antara inovasi dan kajian yang dapat dilakukan melalui R&D adalah:

1. Kajian jenis tanaman yang sesuai bagi membantu penyerapan karbon, secara langsung dapat menyokong matlamat MPK menjadi Bandar Rendah Karbon;
2. Kaedah pengawalan yang boleh diterapkan oleh MPK bagi mengawal pelepasan sisa pepejal dan sisa kilang ke dalam sungai atau laut bagi menjamin keselamatan alam sekitar;
3. Langkah-langkah adaptasi serta mitigasi yang berinovasi bagi membantu MPK mengurangkan impak bencana terutamanya di kawasan risiko bencana;
4. Langkah-langkah pemuliharaan dan pemeliharaan hutan paya bakau yang terdapat di dalam kawasan RT;
5. Kajian bagi meningkatkan produktiviti tanah pertanian dan sumbangan MPK bagi menaikkan sektor pertanian sebagai pengeluaran makanan; dan
6. Kajian pengangkutan di Klang bagi penambahbaikan jaringan pengangkutan & lalulintas mengambilkira pertambahan trafik menjelang 2035.

CADANGAN
10.2B

PENINGKATAN KETERLIBATAN KOMUNITI DAN LAIN PIHAK BERKEPENTINGAN


- A** Agenda 21 Tempatan Klang yang lebih aktif, melibatkan lebih ramai pihak berkepentingan, dan mempunyai lebih aktiviti yang komprehensif dalam bidang ekonomi, sosial, alam sekitar, budaya dan governans, akan membantu mempertingkatkan kefahaman, kesedaran dan amalan pembangunan mampan oleh semua pihak di Klang.
- B** Agenda 21 Tempatan Klang yang aktif dan menyeluruh dapat mempertingkatkan lagi kefahaman dan kesedaran warga Klang serta agensi yang terlibat dalam pelaksanaan pembangunan mampan.
- C** Agenda 21 Klang menjadi asas untuk memupuk penduduk Klang ke arah pembentukan komuniti dan masyarakat mampan.



Cadangan Penambahbaikan Konsep Pembangunan Mampan Agenda 21 MPK:

Berikut adalah merupakan penambahbaikan konsep bagi Agenda 21 Klang yang lebih memfokuskan terhadap ekonomi mampan, alam sekitar mampan dan sosial mampan. Ia juga dapat disokong oleh 5 cabang kemampanan seperti yang dinyatakan dalam rajah di bawah.

TERAS AGENDA 21 KLANG 2022-2035






**CADANGAN
10.3A**


PELAKSANAAN SEPENUHNYA DPMS (*DEVELOPMENT PROJECT MANAGEMENT SYSTEM*)

DPMS yang diterajui oleh Jabatan Teknologi Maklumat MPK, dan dinaiktaraf pada 2018 akan memantau dengan lebih berkesan projek swasta, menyediakan asas yang kukuh untuk dinaikkan taraf lagi kepada DPMS 2.0, iaitu sebagai *Development Project Management System* bagi projek MPK, agensi kerajaan dan swasta.



PELAKSANAAN SEPENUHNYA DPMS

- ❑ Sistem pelaporan secara *realtime* dan menggunakan aplikasi yang dapat diakses melalui peranti mudah alih seperti telefon pintar dan sebagainya. Aplikasi ini juga perlu diintegrasikan bersama komponen *geospatial* dan *geotagging* bagi memudahkan perletakan lokasi, pengemaskinian maklumat dan laporan dapat dijana di dalam sistem tersebut.
- ❑ Pemantauan dilakukan oleh pelbagai peringkat dan pihak atasan dapat memberi ulasan secara atas talian bagi penambahbaikan penghasilan laporan pemantauan dan pelaksanaan,
- ❑ Sistem pemantauan pelaksanaan RT diintegrasikan dengan sistem pemantauan keputusan dan pelaksanaan KM serta sistem pemantauan pelaksanaan pembangunan oleh agensi kerajaan.
- ❑ Sistem pemantauan pelaksanaan RT dan KM yang terintegrasi akan memastikan penyediaan tanah untuk pembangunan disediakan berasaskan *land budget* (bajet tanah), iaitu penyediaan tanah untuk pembangunan mengikut keperluan semasa (dikaji setiap 5 tahun), bukan berasaskan spekulasi.



CADANGAN
10.3B

PEMROSESAN CADANGAN PEMAJUAN SECARA DALAM TALIAN SEPENUHNYA MENJELANG 2020

Sistem pemprosesan cadangan pemaajuan telah dilaksanakan secara dalam talian menerusi OSC *Online*, tetapi sistem ini masih memerlukan salinan *hardcopy* dikemukakan bagi tujuan edaran kepada setiap jabatan teknikal.

Pelaksanaan OSC *Online* ini juga merupakan salah satu inisiatif yang memperkasa penyampaian perkhidmatan PBT melalui penggunaan ICT dan pemantapan sistem kawalan pembangunan dan pelaksanaan perancangan di peringkat tempatan.



- (A) Sistem pemprosesan permohonan Kebenaran Merancang (KM) ini perlu dikukuhkan lagi supaya proses permohonan pembangunan dapat dijadikan satu proses yang tidak memakan kos yang tinggi, masa yang panjang, dan ia dapat dikategorikan sebagai salah satu amalan hijau (kurang penggunaan kertas).
- (B) Maklumat dan ulasan jabatan akan boleh dimuatnaik ke dalam talian dan pematuan terhadap arahan bertulis bagi mendapatkan kelulusan permohonan juga dapat dilakukan secara dalam talian menjelang 2020.
- (C) Namun begitu, dalam melaksanakan cadangan ini, beberapa faktor keselamatan siber dan privasi maklumat dan data perlu dititikberatkan supaya maklumat dapat disimpan dan sistem dapat digunakan sebaiknya sejajar dengan matlamat an objektif yang terdapat dalam Dasar Keselamatan ICT Majlis Perbandaran Klang.



7.0 KLANG KE ARAH BANDAR RENDAH KARBON DAN MAMPAN

MPK merupakan salah sebuah PBT yang sentiasa proaktif ke arah menjadikan kawasan RT sebagai sebuah bandar yang seiring dengan matlamat pembangunan hijau dan mampan. Justeru itu, bagi merealisasikan Klang menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon, MPK disarankan untuk mewujudkan sebuah **pelan tindakan khusus** di bawah inisiatif ini. Penyediaan RTMPK 2-35 (Penggantian) telah menggariskan beberapa tindakan yang wajar diambil oleh MPK dalam menyediakan Pelan Tindakan ini.



KAWALAN PEMBANGUNAN

Pemberian diskaun cas pembangunan bagi mana-mana permohonan yang menerapkan inisiatif pembangunan hijau seperti berikut:

- ❑ *Green Building Indeks* bagi semua jenis pembangunan;
- ❑ Pemasangan panel solar;
- ❑ Penuaian air hujan;
- ❑ Penganjuran dan promosi Amalan 5R (*Refuse, Reduce, Repair, Reuse dan Recycle*)

Apakah itu 5R

Refuse—Menolak mengguna barangan yang tidak dapat dikitar semula contohnya tisu, bekas *Polystyrene*, dan sebagainya

Reduce—Mengurangkan pembaziran dan pembuangan sampah, contohnya air, elektrik, pendingin hawa,

Repair—Membaiki dan mengurangkan pembelian barangan yang baru contohnya barangan elektrik boleh diperbaiki tidak perlu dibeli semula.

Reuse—Mengguna semula untuk memanjangkan hayat barangan contohnya pakaian,

Recycle—Mengitar Semula untuk mengurangkan penggunaan sumber alam-kebanyakkan barangan

Sumber: <http://cj.my/post/73951/kitar-semula5r-selamatkan-bumi/>



PENGURUSAN SISA PEPEJAL


Menggiatkan lagi **promosi** mengenai Sistem *EcoGen Recycle Bank MPKlang* kepada komuniti supaya dapat menggalakkan penglibatan mereka untuk kitar semula.



Berdasarkan faedah kitar semula yang telah dirangka oleh MPK, pengguna layak menebus mata kitar semula yang diperolehi kepada beberapa ganjaran yang disediakan seperti baucar membeli belah di pasar raya dan sebagainya.

Namun begitu, terdapat beberapa penambahbaikan yang dapat dilakukan bagi menggalakkan penduduk terlibat dalam program kitar semula. Antaranya adalah:

- ❑ Program penebusan ganjaran kepada diskaun saman dan cukai pintu.
- ❑ Penebusan mata ganjaran kepada boucar pengangkutan awam namun begitu, ini dapat dilaksanakan setelah jaringan pengangkutan awam dapat dihubungkan sepenuhnya. Ia juga melibatkan kerjasama MPK bersama agensi swasta lain seperti Prasarana, KTM dan Rapid.



Selain itu, program *EcoGen Recycle Bank MPKlang* juga telah memperkenalkan inisiatif kitar semula minyak masak. Kaedah ini akan memberi faedah kerana ia boleh ditukar menjadi biodiesel menerusi proses `transesterifikasi' bagi kegunaan kenderaan berat seperti bas.

Pembuangan minyak masak ke dalam longkang akan menyebabkan gangguan terhadap sistem loji rawatan air, tapak pelupusan sampah, loji kumbahan, sekali gus menyebabkan pencemaran kepada sumber air.

Namun begitu, promosi program kitar semula minyak masak perlu digiatkan khususnya kepada peniaga-peniaga makanan dan penduduk Klang, amnya. Minyak masak yang dikitar semula dapat ditukar kepada wang ringgit dengan cadangan harga RM1.20-RM1.50 setiap kilo seterusnya akan menjadi sumber pendapatan sampingan.

KITAR SEMULA MINYAK MASAK



Contoh program kitar semula minyak yang dijalankan di Carolina, Amerika Syarikat

Sumber: <http://www.cookingoilrecycling.org/>

MENGGIATKAN PROGRAM PENANAMAN POKOK

MPK komited ke arah menjadikan Klang sebagai bandar yang mampan dan hijau. Salah satu program yang perlu digiatkan lagi ialah program penanaman pokok. Program ini dapat dipelbagaikan melalui beberapa medium antaranya, melalui KM iaitu menetapkan syarat minimum untuk pihak pemaju menanam pokok bagi setiap cadangan pembangunan.

Selain itu, MPK juga wajar menetapkan sasaran pencapaian setiap tahun bagi jumlah pokok yang akan ditanam melalui inisiatif *Tree Bank* yang diuraikan di bahagian Dimensi Persekitaran Berkualiti.

Penganjuran program penanaman pokok di kawasan pusat bandar harus melibatkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak swasta, universiti dan sekolah.





PROGRAM CAR FREE DAY MPK

MPK sangat komited menjalankan usaha mengurangkan kadar pembebasan karbon.

Program *Car Free day* merupakan salah satu inisiatif yang wajar dikaji kesesuaiannya untuk diadakan di pusat bandar Klang. Inisiatif ini dapat dijalankan secara berperingkat dan melibatkan komuniti di Klang, khususnya. Selain itu, ia juga dapat menjadikan pusat bandar Klang menjadi sebuah bandar yang hidup dan aktif.

Namun begitu, inisiatif ini dapat dijalankan dengan jayanya sekiranya ia dapat disokong dengan jaringan kemudahan awam yang inklusif dan kondusif.

**AHAD
MINGGU KETIGA
SETIAP BULAN**

**BERMULA JAM
7 PAGI - 9 PAGI**

**AKTIVITI
SAMPINGAN
(RIADAH & JUALAN)**

**PENUTUPAN
JALAN TERTENTU
DI PUSAT BANDAR**

**PENYEDIAAN
BASIKAL SEWA
DAN
TAPAK PARKIR**

**GALAKKAN
PENGLIBATAN
PIHAK PENAJA**

8.0

KLANG KE ARAH BANDAR DIGITAL DAN BERDAYA MAJU

MPK berupaya membawa imej bandar digital di Klang kepada platform yang lebih baik berbanding dengan pencapaian semasa. Seiring dengan matlamat ini, **Pelan Tindakan MPK ke arah Bandar Digital** wajar dibentuk bagi di samping dapat mengketengahkan langkah-langkah Bandar Digital yang dapat dilaksanakan. Hal ini kerana terdapat banyak kelebihan dapat dinikmati melalui transformasi digital yang bakal dilakukan antaranya peningkatan produktiviti kerja bagi semua sektor awam mahupun swasta. Selain itu, kadar margin pendapatan bagi semua sektor dijangka dapat ditingkatkan melalui transformasi ini.

Sebagai langkah permulaan, pelan strategik SMART Selangor dapat dijadikan rujukan utama dalam melaksanakan inisiatif transformasi digital khususnya di kawasan kajian.



Antara komponen SMART Selangor yang dapat diekstrak adalah seperti yang dinyatakan dalam rajah di bawah:



SMART FLOOD MANAGEMENT

Peningkatan tahap pengurusan bencana dapat dilaksanakan melalui perkara berikut:

- ❑ Pengukuhan pelan pengurusan lembangan Sungai Klang melalui kajian mengenai aspek penggunaan teknologi terhadap pengurusan bencana;
- ❑ Melibatkan pelbagai agensi dalam pelaksanaan pembersihan, pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang supaya agensi pengelola dapat menangani dan mengurangkan impak terutamanya bagi kawasan yang mudah terjejas sekiranya banjir melanda; dan
- ❑ Menerapkan elemen *Technology Disaster Prevention* dan *monitoring system* dalam pengurusan banjir di Klang, seperti *warning system* terutamanya dalam kawasan perumahan.



Banjir di sekitar kawasan RT yang sering kali terjadi sekiranya hujan lebat berterusan



SMART GOVERNANCE

MPK telah memulakan pelaksanaan SMART Governance melalui beberapa inisiatif, antaranya mewujudkan aplikasi pembayaran parkir dan inisiatif ini telah menyumbang pendapatan yang memberangsangkan kepada MPK. Antara lain yang boleh dilakukan seperti memperkenalkan bayaran cukai secara atas talian dan pengguna dapat mengetahui jumlah yang perlu dikemukakan tanpa perlu membuat semakan di MPK mahupun Pejabat Tanah.

Selain itu, aspek kawalan pembangunan disarankan untuk mengambil kira penyediaan kemudahan bercirikan digital seperti berikut:

- ❑ Penetapan syarat pemasangan WIFI bagi mana-mana cadangan pembangunan TOD bagi meningkatkan kemudahan internet.
- ❑ Penggunaan papan tanda / papan iklan digital di kawasan pusat bandar yang mengguna pakai tenaga solar menjelang 2035. Cadangan ini dapat membantu pengurangan kos percetakan iklan dan pengurangan penggunaan sumber.
- ❑ Pengintegrasian teknologi ke dalam reka bentuk bandar seperti memperluas kawasan bagi pemasangan *artificial landscape* terutamanya di pusat bandar .
- ❑ Pelaksanaan sepenuhnya *Development Project Management System* (DPMS) sebagai salah satu medium utama dalam kawalan dan kelulusan pembangunan.





KLANG INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM

Pengangkutan merupakan sektor utama dan menjadi kebergantungan kepada penduduk untuk bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi. Namun begitu, sistem pengurusan pengangkutan pintar masih kurang diketengahkan di kawasan kajian. Berikut adalah beberapa langkah yang boleh diambil dalam menerapkan komponen bandar digital ke dalam sistem pengangkutan awam di kawasan RT:

- ❑ Menambahbaik dan mengguna pakai teknologi cekap tenaga, penyediaan WIFI berkelajuan tinggi serta mewujudkan sistem pembelian tiket secara mudah bagi cadangan penambahbaikan Stesen Bas Klang Sentral;
- ❑ Mewujudkan aplikasi yang membolehkan pengguna menyemak jadual perjalanan kenderaan awam seperti bas, LRT dan sebagainya; dan
- ❑ Penggunaan kemudahan seperti paparan maklumat perjalanan di setiap hentian bas dengan menggunakan skrin digital terutamanya di kawasan pusat bandar.
- ❑ Menjalankan kajian pelaksanaan dan penambahbaikan *Integrated Transport System* Klang (ITS Klang)



SMART INFRASTRUKTUR DIGITAL


Infrastruktur digital merupakan asas penyediaan bagi mewujudkan masyarakat yang berteraskan ICT dalam menjalankan urusan harian. Terdapat beberapa aspek yang wajar diambil kira dalam penyediaan infrastruktur digital di kawasan RT:

- ❑ Jaringan kemudahan jalur lebar yang berkelajuan tinggi;
- ❑ Sistem dan aplikasi yang mengintegrasikan maklumat dan informasi serta aplikasi daripada pelbagai sektor utama seperti pengangkutan, pengurusan sisa, pelancongan, dan maklumbalas kepada MPK. Hal ini kerana pengguna tidak perlu memuat turun aplikasi berlainan bagi setiap program berasaskan aplikasi yang telah dilancarkan oleh MPK;
- ❑ Pengadaptasian *Internet of Things* (IoT) dan *Industrial Revolution* 4.0 bagi pembangunan industri sedia ada dan akan datang di kawasan RT bagi menggalakkan kegiatan industri yang bersih dan hijau.



Secara dasarnya, pelaksanaan SMART infrastruktur digital tidak dapat dilaksanakan dengan mudah dan ia juga memerlukan kajian terperinci dan perlu mengambil kira faktor kos, masa / fasa pelaksanaan dan kesesuaiannya untuk dilaksanakan di kawasan RT.

Rajah B1-4 menunjukkan perkara asas / komponen yang perlu diambil kira dalam penyediaan infrastruktur digital:



Rajah B1-4: Asas Utama Dalam Penyediaan Infrastruktur Digital
Sumber: <http://reports.weforum.org>


9.0 ANALISIS QUICK WIN

9.1 QUICK WINS ANALYSIS DALAM PELAKSANAAN CADANGAN RTMPK 2035 (PENGgantian)

Analisis *quick win* dilakukan bagi mengenalpasti tahap dan kesesuaian pelaksanaan cadangan, projek dan program bagi RTMPK 2035 (Penggantian) berasaskan kos dan impak.

Analisis ini dilakukan berpandukan maklumat kos yang telah dikenal pasti bagi setiap cadangan, projek, dan program. Penetapan skala kos (tinggi dan rendah) adalah berpandukan nilai yang telah dikenal pasti bagi setiap cadangan.

Manakala, aspek impak yang diambil kira adalah terdiri daripada impak masa pelaksanaan dan masa pulangan seperti yang dipaparkan di **Jadual B1-11**.



Jadual B1-11: Definisi Impak Pelaksanaan & Pulangan Projek, dan Program RTMPK 2035 (Penggantian)

Impak Masa Pelaksanaan	Pelaksanaan sesuatu cadangan yang berpotensi memakan kos pelaksanaan yang tinggi / rendah dan impak terhadap alam sekitar dan komuniti.
Impak Masa Pulangan	Impak selepas pelaksanaan cadangan terhadap komuniti, alam sekitar, ekonomi dan sosial di kawasan RT.

Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)

Selain itu, analisis ini juga telah mengambil kira cadangan yang **berasaskan projek (Project Based) yang akan diterangkan di bahagian 9.1.1**. Langkah ini dapat membantu bagi menentukan kos dan impak masa pelaksanaan dengan lebih tepat.

9.1.1 Penetapan Cadangan Berasaskan Projek (Project Based) dan Tidak Berasaskan Projek (Non-project Based)

Berikut adalah merupakan kriteria pembahagian cadangan kepada 2 kategori yang telah ditetapkan iaitu cadangan Berasaskan Projek (*Project Based*) dan Cadangan Tidak Berasaskan Projek (*Non-project based*).



Cadangan Berasaskan Projek (*Project Based*)


- Cadangan yang berbentuk fizikal / *tangible*;
- Cadangan yang menghasilkan impak yang lebih khusus;
- Pulangan dan manfaat secara langsung dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar;
- Pulangan dan manfaat secara langsung dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar;



Cadangan Tidak Berasaskan Projek (*Non-Project Based*)

- Cadangan yang berbentuk *intangible* seperti program penambahbaikan, kajian kesesuaian (*feasibility study*)
- Cadangan yang menghasilkan impak yang lebih am
- Pulangan dan manfaat secara tidak langsung dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar;
- Pulangan dan manfaat secara tidak langsung dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar;

Sebagai permulaan, pihak perunding telah mengenal pasti cadangan yang berasaskan projek (*project based*) dan cadangan yang tidak berasaskan projek (*non-project based*). **Rajah B1-5** menunjukkan rumusan hasil dari pengenaltastian yang telah dilakukan.




Rajah B1-5: Rumusan penentuan cadangan yang berasaskan projek dan cadangan yang tidak berasaskan projek.

Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)

Secara keseluruhannya, terdapat **120 cadangan** yang terdiri daripada enam (6) dimensi pembangunan yang dibentuk bagi kajian ini. Daripada jumlah tersebut 61 daripadanya adalah merupakan cadangan yang berbentuk projek (*project based*) manakala selebihnya adalah cadangan yang tidak berasaskan projek iaitu sebanyak 59 cadangan. Daripada jumlah ini juga, **22 daripadanya merupakan cadangan / projek quick win** yang telah dikenal pasti dan akan diterangkan di bahagian seterusnya.

Cadangan yang berasaskan projek (*project based*) yang telah dikenal pasti kebanyakannya terdiri daripada empat (4) dimensi pembangunan iaitu Dimensi Ekonomi Berdaya Saing, Dimensi Komuniti Sejahtera, Dimensi Persekitaran Berkualiti Dan Dimensi Infrastruktur Dan Pengangkutan Efisien. Rajah di bawah menerangkan secara ringkas mengenai hasil pengenaltastian cadangan yang telah dilakukan.



Jadual B1-10 menunjukkan penilaian terperinci bagi penentuan cadangan yang berasaskan projek dan cadangan yang tidak berasaskan projek.

Jadual B1-10: Penentuan cadangan yang berbentuk projek dan cadangan yang tidak berasaskan projek.

DIMENSI GUNA TANAH DAN SUMBER ASLI OPTIMUM



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
5.1 MERANCANG GUNA TANAH YANG EFISIEN DAN STRATEGIK				
5.1A	Cadangan Guna Tanah RTMPK 2035 (Penggantian)			
5.1B	Cadangan Membangunkan Kawasan <i>Brownfield</i>			
5.1C	Cadangan Menggalakkan Pembangunan TOD			
5.1D	Cadangan Menggalakkan Aktiviti Pembangunan Bercampur			
5.1E	Cadangan Penyediaan Blok Perancangan (BP) khusus terhadap pembangunan SMG			
5.2 MENGAWAL PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR SECARA OPTIMUM MELALUI KAEDAH 'LAND BUDGET' (BAJET TANAH)				
5.2A	Cadangan Had Pertumbuhan Bandar			
5.2B	Cadangan Pengkelan Zon Pertanian Pada Tahap Minima 3,000 Hektar			
5.3 MENGENALPASTI DAN MEMBANGUNKAN BANDAR-BANDAR UTAMA YANG BERPOTENSI DALAM MENYOKONG NOD PEMBANGUNAN UTAMA				
5.3A	Cadangan Penetapan Hierarki dan Fungsi Bandar			

PETUNJUK:



Cadangan Berasaskan Projek / *Project Based*



Cadangan Tidak Berasaskan Projek / *Non-Project Based*



Projek Quick Wins (QW)



DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
6.1 MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN AKTIVITI KOMERSIAL DI KAWASAN RT				
6.1A	Pengukuhan Pusat Komersial Mengikut Hierarki Bandar			
6.1B	Menggalakkan Pertumbuhan Aktiviti Komersial Bersederhana Kecil Serta Meningkatkan Penglibatan Penduduk Dalam Sektor Perniagaan Sebagai Sumber Ekonomi			
6.2 MENGUKUHKAN AKTIVITI KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJADI PEMANGKIN (CATALYST) PEMBANGUNAN				
6.2A	Pembangunan Universiti Maritim Bertaraf Antarabangsa			 QW
6.2B	Menggalakkan Pembangunan / Pelaburan Institusi Swasta Sebagai Pemboleh (Enabler) Ekonomi			
6.3 MENYEDIAKAN KAWASAN KOMERSIAL YANG BERSEPADU DAN VIBRANT SERTA DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN SOKONGAN				
6.3A	Pembangunan Komersial yang Bersepadu dan Terancang			
6.3B	Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i> Komersial yang terbiar			 QW
6.3C	Penambahbaikan dan Penyediaan Perkhidmatan dan Kemudahan Asas di Kawasan Komersial			
6.4 MENGALAKKAN KESEDIAAN DALAM ARUS DAN TREN INDUSTRI 4.0 DI KAWASAN RT				
6.4A	Menggalakkan K-Ekonomi di Pusat Pertumbuhan Strategi			
6.4B	Cadangan Pemantapan Perniagaan Elektronik (E-Dagang)			
6.5 MEWUJUDKAN RANTAIAN INDUSTRI YANG BERSEKUTUAN DAN CEKAP DARI SEGI EKONOMI				
6.5A	Pembangunan Industri Secara Berkelompok			
6.5B	Mengukuhkan Fungsi Pembangunan Klang sebagai Pusat Maritim Antarabangsa			
6.6 MEMPERKASAKAN PERANCANGAN PELANCONGAN DI KAWASAN RT KLANG DEMI MEMASTIKAN IA BERDAYA MAJU DAN TERLAKSANA				
6.6A	Pengezonan Kawasan Pelancongan Mengikut Jenis Produk dan Kekuatannya			

● ● ● Sambungan

DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
6.6B	Cadangan Menyediakan Pelan Induk Pelancongan Kawasan RT Klang			
6.7 MEMPERKUKUKKAN DAN MEMPERTINGKATKAN SEBARAN MAKLUMAT PRODUK PELANCONGAN DI KAWASAN RT KLANG AGAR IANYA LEBIH DIKENALI SECARA UMUM.				
6.7A	Cadangan Penyediaan Pusat Informasi Pelancongan			QW
6.7B	Mempromosikan Produk Pelancongan Melalui Saluran Media dan Aplikasi Digital			
6.7C	Menggalakkan Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan Dengan Agensi Berkenaan dalam Mempromosikan Kawasan Tarikan Kawasan RT			
6.7D	Menggalakkan Program-program Pelancongan Untuk Mempromosikan Kawasan RT			
6.7E	Memperkenalkan Produk Pelancongan di Kawasan RT Klang Secara Pakej			
6.8 MEMPERKASAKAN PRODUK PELANCONGAN WARISAN, BUDAYA DAN BANDAR DIRAJA YANG DIPROMOSIKAN BERSEKALI DENGAN PRODUK TEMPATAN SEDIA ADA				
6.8A	Memperkasakan Produk Pelancongan Warisan, Budaya & Bandar Diraja Sebagai Produk Pelancongan Utama di Kawasan RT Klang			
6.8B	Memperkukuhkan Tarikan Produk Tempatan Dengan Mengintegrasikannya Bersama Produk Pelancongan Warisan, Budaya & Bandar Diraja.			
6.9 MEMPERKENALKAN DAN MEMPERKUKUKKAN POTENSI PRODUK PELANCONGAN BARU DI KAWASAN RT KLANG SECARA TERPERINCI DAN BERJAYA				
6.9A	Memperkasakan Produk Pelancongan Pertanian dan Akuakultur			
6.9B	Memperkasakan Produk Pelancongan Gastronomi dan Membeli-belah			
6.9C	Memperkukuhkan Produk Pelancongan Alam Semula Jadi			
6.9D	Penyediaan Muzium / Galeri Maritim di Kawasan RT			
6.9E	Memperkenalkan Pelancongan Industri Berjadual Jenis Akademik			



● ● ● Sambungan

DIMENSI EKONOMI **BERDAYA SAING**



SENARAI CADANGAN

**CADANGAN
PROJECT-
BASED**

**CADANGAN
NON PROJECT-
BASED**

**QUICK WINS
(QW)**

6.10 MENINGKATKAN PENGELUARAN & PRODUKTIVITI PERTANIAN KHUSUSNYA TANAMAN MAKANAN, TERNAKAN DAN AKUAKULTUR YANG MENYUMBANG KEPADA SEKURITI MAKANAN NEGARA				
6.10A	Cadangan Perancangan Pembangunan Tanah Pertanian di Johan Setia			
6.10B	Menambahkan Keluasan 'Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)			
6.10C	Mewujudkan Kawasan 'Taman Agroteknologi & Pusat Kecemerlangan Pertanian Bandar			
6.10D	Meningkatkan Pengeluaran Lembu Tenusu & Pedaging Secara Intensif			
6.10E	Mengekalkan & Meningkatkan Produktiviti & Kelastarian Kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA)			
6.11 MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN DI KAWASAN BANDAR				
6.11A	Meningkatkan Aktiviti Nilai Tambah Melalui Industri Asas Tani			
6.11B	Meningkatkan Aktiviti Pertanian Bandar			

PETUNJUK:



Cadangan Berasaskan Projek / *Project Based*



Cadangan Tidak Berasaskan Projek / *Non-Project Based*



Projek Quick Wins (QW)

DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
7.1	MEMASTIKAN PENDUDUK MENDAPAT AKSES KEPADA TEMPAT TINGGAL YANG MENCUKUPI DAN MAMPU MILIK			
7.1A	Pembangunan 19,000 Perumahan Mampu Milik (RMM)			
7.1B	Pembangunan Semula Tapak <i>Brownfield</i> Perumahan			
7.2	MEMASTIKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN YANG TERKAWAL DAN TERANCANG SERTA MEMELIHARA CIRI WARISAN BUDAYA			
7.2A	Pengekalan Perkampungan Tradisi sebagai Elemen Warisan Akan Datang Menerusi Penyediaan RKK			
7.2B	Pusat Petempatan Desa Melalui Penyediaan Kemudahan Berpusat			QW
7.3	MEMASTIKAN SUASANA KAWASAN PERUMAHAN YANG BERKUALITI, SIHAT DAN BERDAYA HUNI			
7.3A	Menambahbaik Perumahan Mampu Milik (RMM) Sedia Ada			QW
7.4	MEMASTIKAN PENDUDUK MENDAPAT AKSES KEPADA KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, SELAMAT DAN INKLUSIF			
7.4A	Penambahan Hospital dan Klinik Kesihatan Selaras dengan Unjuran Penduduk			
7.4B	Penambahan Sekolah Menengah yang Selaras dengan Unjuran Penduduk			
7.4C	Penambahan Sekolah Rendah yang Selaras dengan Unjuran Penduduk			
7.4D	Penambahan Balai Bomba Mengikut Unjuran Penduduk dan Keperluan Guna Tanah			
7.4E	Penambahan Balai Polis Selaras dengan Unjuran Penduduk			
7.4F	Penambahan Dewan Serbaguna Selaras dengan Unjuran Penduduk			
7.4G	Penambahan Masjid Selaras dengan Unjuran Penduduk			
7.4H	Penambahan Rumah Ibadat Bukan Islam Selaras dengan Unjuran Penduduk			
7.4J	Keperluan Rizab Perkuburan Selaras dengan Unjuran Penduduk.			



● ● ● Sambungan

DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
7.4K	Penambahan Kawasan Lapang Selaras dengan Unjuran Penduduk.			
7.4L	Cadangan Memajukan Rizab Kemudahan Awam Secara Lebih Fleksibel dan Bersesuaian			
7.4M	Cadangan Pembangunan Kemudahan Awam Berbentuk Vertikal dan Penggunaan Teknologi Hijau			

PETUNJUK:



Cadangan Berasaskan Projek / *Project Based*



Cadangan Tidak Berasaskan Projek / *Non-Project Based*



Projek Quick Wins (QW)

DIMENSI PERSEKITARAN BERKUALITI



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
8.1 MENERAPKAN ELEMEN PEMBANGUNAN HIJAU DAN BANDAR RENDAH KARBON DI BANDAR-BANDAR UTAMA DALAM DAERAH KLANG				
8.1A	Cadangan Pengurusan Karbon			
8.1B	Cadangan Menggalakkan Perumahan Kejiranan Hijau			
8.1C	Cadangan Penyediaan Kawasan Lapang Berpusat di Klang Utara			 QW
8.2 MEMPERKUKUH IMEJ KAWASAN RT MENGIKUT KESESUAIAN SERTA FUNGSI SETEMPAT				
8.2A	Perancangan Pembangunan Landskap dan Rekabentuk Bandar Kawasan RT			
8.2B	Cadangan Membangunkan Kawasan Lapang Mengikut Hierarki & Identiti			
8.2C	Cadangan Pengukuhan Imej dan Identiti Bandar Klang sebagai Bandar Warisan			 QW
8.2D	Cadangan Pengukuhan Imej Pekan Kapar dan Pekan Meru.			 QW
8.2E	Cadangan Penanaman Pokok Mengikut Fungsi dan Lokasi yang Bersesuaian			
8.2F	Cadangan Perletakan Gerbang / Entrance Statement di Sempadan Masuk Kawasan RT dan Pusat Bandar Klang.			
8.2G	Cadangan Pemeliharaan dan Guna Semula Bangunan Warisan.			 QW
8.2H	Cadangan Latar Langit di Bandar-Bandar Utama Sekitar Klang.			
8.3 MEMELIHARA ALAM SEKITAR DAN SUMBERJAYA SECARA BERSEPADU DAN MAMPAN				
8.3A	Cadangan Penetapan Tahap KSAS			
8.3B	Cadangan Kawalan Pembangunan dan Pemantauan di Kawasan Berisiko Bencana			
8.3C	Cadangan Kawalan Pembangunan Sekitar Kawasan Paya Bakau dan Sungai Secara Bersepadu			
8.3D	Cadangan Melindungi Zon Industri Akuakultur dan IBA (<i>Important Biodiversity Area</i>)			



● ● ● Sambungan

DIMENSI PERSEKITARAN BERKUALITI



SENARAI CADANGAN

CADANGAN PROJECT- BASED

CADANGAN NON PROJECT- BASED

QUICK WINS (QW)

8.4 MENINGKATKAN KUALITI PERSEKITARAN				
8.4A	Cadangan Kawalan Pembangunan Aktiviti Perindustrian			
8.4B	Cadangan Menggalakkan Pembangunan Industri Impak Rendah / Bersih			
8.4C	Cadangan Meningkatkan Kualiti Air Sungai			

PETUNJUK:



Cadangan Berasaskan Projek / *Project Based*



Cadangan Tidak Berasaskan Projek / *Non-Project Based*



Projek Quick Wins (QW)

DIMENSI INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN EFISIEN



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
9.1 MEWUJUDKAN SISTEM RANGKAIAN PENGANGKUTAN YANG EFEKTIF DAN MENYELURUH				
9.1A	Cadangan Pembentukan Aksesibiliti Antara Wilayah.			
9.1B	Cadangan Penetapan Hierarki Jalan.			
9.1C	Cadangan Pembinaan Rangkaian Jalanraya Baru dan Persimpangan Baru.			QW
9.1D	Cadangan Menaiktaraf Jalanraya Utama Kepada Lebuhraya.			
9.1E	Cadangan Menaiktaraf Jalan-Jalan Utama.			
9.1F	Cadangan Menaiktaraf Persimpangan Jalan.			
9.1G	Cadangan Perletakan Had Ketinggian Dari Memasuki Jalan Tempatan.			
9.1H	Cadangan Pembinaan Lorong Khas untuk Motosikal.			
9.1I	Cadangan Pembinaan Lorong Khas Bagi Kenderaan Berat.			QW
9.1K	Pengurusan Lalu Lintas Pusat Bandar Klang.			QW
9.2 MENINGKATKAN TAHAP KEBERKESANAN KEMUDAHAN SERTA SISTEM PENGANGKUTAN AWAM				
9.2A	Cadangan Rangkaian Pengangkutan Awam Bersepadu.			QW
9.2B	Cadangan Penambahan Pengangkutan Rel.			
9.2C	Cadangan Laluan Bus Rapid Transit (BRT).			
9.2D	Cadangan Pengangkutan Air.			
9.2E	Cadangan Menyediakan Laluan Perkhidmatan Bas Pengantara.			
9.2F	Cadangan Hab Pengangkutan Multi Modal.			QW
9.2G	Cadangan Menambahbaik Perkhidmatan Bas.			



● ● ● Sambungan

DIMENSI INFRASTRUKTUR **DAN PENGANGKUTAN EFISIEN**



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
9.3	MENYEDIAKAN DAN MENAIKTARAF KEMUDAHAN PEJALAN KAKI DAN LALUAN BASIKAL YANG SELESA DAN MENYELURUH			
9.3A	Cadangan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki			QW
9.3B	Cadangan Rangkaian dan Laluan Basikal di Bandar Klang			QW
9.4	MENYEDIAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI YANG EFISIEN, BERSEPADU DAN MENYELURUH			
9.4A	Cadangan Membangunkan Loji Rawatan Air (LRA) yang Diintegrasikan Dengan Kolam Tadahan.			
9.4B	Cadangan Penjanaan Sumber Air Alternatif.			
9.4C	Cadangan Menggalakkan <i>Penyediaan Rainwater Harvesting</i> .			QW
9.4D	Cadangan Penggunaan <i>Compact Modular Sewerage Treatment Plant</i> .			
9.4E	Cadangan Pembangunan Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Klang Utara.			
9.4F	Cadangan Menaiktaraf Struktur Jalan Tumpuan Utama Kenderaan Berat.			
9.4G	Cadangan Pusat Pengasingan Sisa Pepejal dan Pusat Kitar Semula.			QW
9.4H	Cadangan Pembangunan Sistem Bekalan Elektrik.			
9.4J	Cadangan Menaiktaraf Perkhidmatan Telekomunikasi.			QW
9.4K	Cadangan Penjanaan Tenaga Alternatif / Tenaga Boleh Diperbaharui.			
9.5	MENYEDIAKAN SISTEM TEBATAN BANJIR YANG MAMPU MENGURANGKAN RISIKO BANJIR DI SESUATU KAWASAN			
9.5A	Cadangan Pelan Induk Pengurusan Sistem Tebatan Banjir			
9.5B	Cadangan Menaiktaraf Parit di Sepanjang Jajaran Jalan			QW
9.5C	Cadangan Penyediaan Sistem Amaran Banjir			

PETUNJUK:



Cadangan Berasaskan Projek / *Project Based*



Cadangan Tidak Berasaskan Projek / *Non-Project Based*



Projek Quick Wins (QW)

DIMENSI GOVERNANS EFEKTIF



SENARAI CADANGAN		CADANGAN PROJECT- BASED	CADANGAN NON PROJECT- BASED	QUICK WINS (QW)
10.1 MENINGKATKAN TAHAP KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN BADAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN MPK				
10.1A	Penubuhan dan Pelaksanaan Jawatankuasa Pelaksanaan RTMPK			
10.1B	Pelaksanaan RTMPK 2035 (Penggantian) Secara Bersepadu			
10.1C	Pemantauan Kemampanan (MURNInets)			
10.1D	Penaiktarafan Klang Sebagai Bandaraya yang Cepak dan Berkesan			
10.1E	Pelaksanaan Agenda Kemampanan MPK Sepenuhnya			
10.1F	Pemantapan dan Pengukuhan Nilai Integriti dalam Budaya Kerja Serta Produktiviti Warga MPK			
10.1G	Pengukuhan Keupayaan Tenaga Kerja dan Tenaga Kewangan Jabatan Perancangan MPK			
10.1H	Memperkasakan Peranan Jabatan Teknikal Dalam dan Luaran Terhadap Pelaksanaan RT			
10.2 MENGGALAKKAN PENGLIBATAN AGENSI BERKEPENTINGAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN MPK				
10.2A	Pengukuhan Program R&D dan Kajian Inovasi			
10.2B	Peningkatan Keterlibatan Komuniti dan Lain Pihak Berkepentingan			
10.2C	Memperkasakan Peranan Jawatankuasa Perancangan Negeri Dalam Proses Kawalan Pembangunan			
10.3 MENINGKATKAN AKSES PENCAPAIAN ORANG AWAM TERHADAP DATA DAN MAKLUMAT BERKAITAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN MPK				
10.3A	Pelaksanaan Sepenuhnya DPMS (<i>Development Project Management System</i>)			
10.3B	Pemprosesan Cadangan Pemajuan Secara dalam Talian Sepenuhnya Menjelang 2020			

Sumber: Kajian RTMPK 2035 (Penggantian)



9.2 **ANGGARAN KOS PELAKSANAAN CADANGAN / PROJEK BAGI RTMPK 2035 (PENGANTIAN)**

Kesinambungan daripada bahagian 9.1, bahagian ini akan menerangkan anggaran kos bagi setiap cadangan RTMPK 2035 (Pengantian).

Jadual B1-11 menunjukkan parameter anggaran kos bagi cadangan berasaskan projek sebagai asas rujukan untuk membuat anggaran kos pelaksanaan sesuatu projek yang akan dilaksanakan. Parameter anggaran kos ini adalah berdasarkan harga pasaran semasa dan parameter anggaran kos ini tidak mengambil kira kadar inflasi yang mungkin mempengaruhi kenaikan kos pelaksanaan.

Jadual B1-11: Anggaran Parameter Pengiraan Kos Cadangan / Projek bagi RTMPK 2035 (Pengantian)

SENARAI CADANGAN		PARAMETER PENGIRAAN KOS (RM)	CATATAN
DIMENSI EKONOMI BERDAYA SAING			
6.2	MENGUKUHKAN AKTIVITI KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJADI PEMANGKIN (CATALYST) PEMBANGUNAN		
6.2A	Pembangunan Universiti Maritim Bertaraf Antarabangsa <i>(Anggaran Kos bagi Pembentukan Sebuah Bandar Universiti Maritim Klang)</i>	RM 330-380 / kaki persegi	± RM 1.9B kos diperlukan bagi menyediakan sebuah bandar Universiti Maritim
6.3	MENYEDIAKAN KAWASAN KOMERSIAL YANG BERSEPADU DAN VIBRANT SERTA DILENGKAPI DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN SOKONGAN		
6.3B	Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i> Komersial yang Terbiar	RM 100 / kaki persegi	-
6.3C	Penambahbaikan dan Penyediaan Perkhidmatan dan Kemudahan Asas di Kawasan Komersial	RM 3.3 Juta/ Ekar	-
6.7	MEMPERKUKUHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN SEBARAN MAKLUMAT PRODUK PELANCONGAN DI KAWASAN RT KLANG AGAR IANYA LEBIH DIKENALI SECARA UMUM.		
6.7A	Cadangan Penyediaan Pusat Informasi Pelancongan	RM 30 Ribu / setiap kiosk	Anggaran ±RM200 ribu
6.10	MENINGKATKAN PENGELUARAN & PRODUKTIVITI PERTANIAN KHUSUSNYA TANAMAN MAKANAN, TERNAKAN DAN AKUAKULTUR YANG MENYUMBANG KEPADA SEKURITI MAKANAN NEGARA		
6.10B	Menambahkan Keluasan Tanaman Makanan Melalui Menambahkan Lagi Keluasan Makanan 'Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	RM 4 Juta	RM 4 Juta
6.10C	Mewujudkan Kawasan 'Taman Agroteknologi & Pusat Kecemerlangan Pertanian Bandar di Tanah Mardi di Jalan Kebun, Sentosa	-	Bergantung kepada jumlah peserta dan jenis projek



SENARAI CADANGAN		PARAMETER PENGIRAAN KOS (RM)	CATATAN
DIMENSI KOMUNITI SEJAHTERA			
7.1 MEMASTIKAN PENDUDUK MENDAPAT AKSES KEPADA TEMPAT TINGGAL YANG MENCUKUPI DAN MAMPU MILIK			
7.1A	Pembangunan 19,000 Perumahan Mampu Milik (RMM) * Kajian Pengenalpastian Tapak Perumahan Awam Mampu Milik Bagi Isi Rumah Berpendapatan Rendah di Bandar-bandar Utama Semenanjung Malaysia, 2016.	RM 35 ribu / unit	Jumlah anggaran: RM665 Juta
7.1B	Pembangunan Semula Tapak Brownfield Perumahan	RM200 Ribu / Tapak	Jumlah anggaran: RM72 Juta
7.2 MEMASTIKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN YANG TERKAWAL DAN TERANCANG SERTA MEMELIHARA CIRI WARISAN BUDAYA			
7.2B	Pusat Petempatan Desa Melalui Penyediaan Kemudahan Berpusat	RM 500/ Kaki persegi	-
7.3 MEMASTIKAN SUASANA KAWASAN PERUMAHAN YANG BERKUALITI, SIHAT DAN BERDAYA HUNI			
7.3A	Menambahbaik Perumahan Mampu Milik (RMM) Sedia Ada	RM50 –RM70 ribu /Unit	Jumlah anggaran: RM600 Juta (anggaran bagi penambahbaikan 10 000 unit RMM)
7.4 MEMASTIKAN PENDUDUK MENDAPAT AKSES KEPADA KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, SELAMAT DAN INKLUSIF			
7.4A	Penyediaan Kemudahan Mengikut Piawaian Perancangan dan Lokasi yang Strategik i. Kesihatan (Hospital & Klinik Kesihatan) • Penambahan 1 hospital dan 3 klinik kesihatan • Hospital - Min. tapak keluasan: 12 hektar • Klinik Kesihatan – Min. Tapak keluasan: 1.2 hektar	Anggaran kos (hospital): RM 1.5 Juta / katil Anggaran kos (Klinik): RM35 juta / unit	Jumlah kos: RM 1.1 Billion
	ii. Pendidikan (Sekolah Menengah) • Penambahan 7 sekolah menengah • Min. keluasan: 2 hektar	Anggaran kos (Sekolah menengah): RM35 juta / unit	Jumlah kos: RM 245 juta
	iii. Pendidikan (Sekolah Rendah) • Penambahan 5 sekolah rendah • Min. keluasan: 1 hektar	Anggaran kos (Sekolah rendah): RM15 juta / unit	Jumlah kos: RM 75 juta
	iv. Institusi dan Kawasan Lapang (Balai Bomba) • 5 balai bomba diperlukan berdasarkan piawaian semasa bagi 'service time' bomba adalah 10 km untuk 10 minit. • Min. keluasan: 2.02 hektar	Anggaran kos (Balai Bomba): RM8 juta / unit	Jumlah kos: RM 40 juta



SENARAI CADANGAN		PARAMETER PENGIRAAN KOS (RM)	CATATAN
	v. Institusi dan Kawasan Lapang (Balai Polis) 5 balai polis diperlukan berdasarkan piawaian semasa bagi 'service time' bomba adalah 10 km untuk 10 minit. - Min. keluasan: 1.4 hektar	Anggaran kos (Balai Polis): RM8 juta / unit	Jumlah anggaran: RM 40 juta
	vi. Institusi dan Kawasan Lapang (Dewan) - Penambahan 3 dewan serbaguna. - Min. keluasan: 0.1 hektar	Anggaran kos : RM 200 / kaki persegi	Jumlah anggaran: RM 6 juta
DIMENSI PERSEKITARAN BERKUALITI			
8.1 MENERAPKAN ELEMEN PEMBANGUNAN HIJAU DAN BANDAR RENDAH KARBON DI BANDAR-BANDAR UTAMA DALAM DAERAH KLANG			
8.1C	Cadangan Penyediaan Kawasan Lapang Berpusat di Klang Utara	RM1.6 Juta / Ekar	Jumlah anggaran: RM5.9 juta
8.2 MEMPERKUKUH IMEJ KAWASAN RT MENGIKUT KESESUAIAN SERTA FUNGSI SETEMPAT			
8.2A	Perancangan Pembangunan Landskap dan Reka Bentuk Bandar Kawasan RT KOMPONEN CADANGAN - Cadangan membangunkan kawasan lapang dan rekreasi mengikut hierarki dan identiti. - Cadangan pengukuhan imej di pusat pertumbuhan strategik. - Cadangan penanaman pokok mengikut fungsi - Cadangan mewujudkan 'sense of welcoming' di sempadan dan pintu masuk. - Cadangan pemeliharaan dan guna semula bangunan warisan. - Cadangan latar langit di bandar-bandar utama.	Bergantung kepada komponen pembangunan	
8.2B	Cadangan Membangunkan Kawasan Lapang Mengikut Hierarki & Identiti	-	
8.2C	Cadangan Pengukuhan Imej dan Identiti Bandar Klang sebagai Bandar Warisan - Pemantapan Imej Laluan Jejak Warisan (<i>Heritage Walk</i>) - Cadangan Penanaman Pokok Di Sepanjang Jajaran Jalan Utama - Cadangan Pengindahan Kawasan Lapang & Taman Selingan (<i>Pocket Park</i>) Sekitar Pusat Bandar Klang - Cadangan Seni Awam (<i>Public Art</i>) di Sekitar Pusat Bandar Klang	Bergantung kepada komponen pembangunan	
8.2D	Cadangan Pengukuhan Imej Pekan Kapar dan Meru. - Pengindahan landskap dan reka bentuk bandar Pekan Kapar - Pengindahan landskap dan reka bentuk bandar Pekan Meru - Pengindahan landskap Jalan Pengkalan Hamzah sebagai jaringan hijau (green linkages) menghubungkan Pekan Kapar dan Meru.	RM 300 Ribu / Ekar	



SENARAI CADANGAN		PARAMETER PENGIRAAN KOS (RM)	CATATAN
	Sambungan... ☐ Jalan Bukit Jati (2km / 30m cadangan rezab) ☐ Lorong Kedai-Jalan Raya Barat (2km / 30m cadangan rezab) ☐ Jalan Teluk Gong-SKVE (5km / 30m cadangan rezab) ☐ Jalan Sungai Puloh – Jalan Pesisir Pantai (2.4km / 30m cadangan rezab)		
	Cadangan Persimpangan Baru (Persimpangan Bertingkat): ☐ Jalan Persisiran Pantai - Puncak Alam ☐ Jalan Persisiran Pantai - Jalan Kapar ☐ Jalan Persisiran Pantai - SHAPADU ☐ Jambatan Hubungan Lebuhraya Selat Klang – Lebuhraya Pulau Indah ☐ Jambatan Hubungan Lebuhraya Selat Klang – Lebuhraya Pulau Indah ☐ Lebuhraya Pulau Indah – Jalan Teluk Gong ☐ KESAS – West Coast Expressway ☐ Jalan Bukit Kemuning – Jalan Kebun Nenas – Jalan Sungai Jati – Jalan Kebun ☐ Persiaran Raja Muda Musa – Jalan Batu Unjur – Jalan Persisiran Pantai ☐ Jalan Meru – West Coast Expressway ☐ Jalan Persisiran Pantai-Puncak Alam /West Coast Expressway ☐ Jalan Persisiran Pantai - Jalan Kapar	RM 70 Juta / No	Jumlah anggaran: RM840 Juta
